

Info

BIL. 2/2013 ISSN 0127-1032



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia

PUSAT LATIHAN KOPERASI NO. 1 DI MALAYSIA



Majlis Konvokesyen
ke-17

Ms 8

CEO Talk 2013
Menerajui
Transformasi

Ms 6

Mesyuarat Ketua-ketua
Institusi Latihan dan
Pendidikan Koperasi
Rantau Asia

Ms 14

KANDUNGAN

Eksklusif

- Majlis Makan Malam Ulang Tahun MKM ke-57 dan Pelancaran Pelan Strategik ke Arah Merealisasikan Universiti Koperasi Malaysia (UKoM) **4**
- CEO TALK 2013 "Menerajui Transformasi" **6**
- Majlis Konvokesyen MKM ke-17 **8**
- 42 Graduan Ijazah Pentadbiran Perniagaan MKM-UUM Terima Ijazah **10**
- Institut Koperasi Malaysia (iCOOP Malaysia) **12**

Jaringan

- Mesyuarat Ketua-ketua Institusi Latihan dan Pendidikan Koperasi Rantau Asia **14**
- Program Joint Working Group (J.W.G) **16**
- ICA-AP & NACF Joint Workshop Agricultural Co-operative Systemin Korea **18**
- Program Bidang Kepakaran Peruncitan Dan Pemborongan: Norwegian Cooperative Centre & Norge Coop, Norway **21**
- Lawatan Kerja Delegasi Dari Ministry Planning & Investment Of Vietnam Ke Maktab Koperasi Malaysia (MKM) **23**

Fokus

- Hari Koperasi Negara 2013 (HKN) **25**
- Seminar Kepimpinan Koperasi "Mencapai Kepimpinan Berprestasi Tinggi" **27**

Perspektif

- Bicara Profesional "Pertanian Lestari : Transformasi Koperasi ke Arah Pemakanan Sihat" **29**
- Bicara Profesional:"Cloud Computing: Revolusi Pengkomputeran Masa Kini" **35**
- Bicara Profesional: "Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi" **36**
- Bicara Profesional "Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi di Pulau Pinang" **37**

Galeri

- Konvensyen Transformasi Modal Insan **31-34**

Berita Kakitangan

- Penyertaan Pegawai Latihan Maktab Koperasi Malaysia Dalam ICA Global Conference And General Assembly 2013 Dan Program Sangkutan Di Cape Town, Afrika Selatan **39**
- Lawatan Ke Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd (Milik Koperasi Kakitangan Petronas Berhad) **41**

Cawangan

- Forum Perdana Sempena Hari Koperasi Negara 2013 **42**
- Penentu Kejayaan Koperasi: Anggota atau ALK? **43**
- Kumpulan Inovatif dan Kreativiti MKM Cawangan Sabah Merangkul Tempat Ketiga Pertandingan KIK Peringkat Agensi dan Kementerian **45**
- Bicara Profesional Tribunal Koperasi: "Mekanisme Penyelesaian Pertikaian" **46**
- Bicara Profesional "Kepimpinan ke Arah Merealisasikan Transformasi Gerakan Koperasi" **48**
- Bicara Profesional Pengurusan Kewangan Dan Risiko Koperasi **50**
- Seminar "Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat" **52**
- Seminar Meneroka Industri Pelancongan: Potensi dan Peluang Kepada Koperasi **55**

Pelajar

- Karnival Usahawan Siswa "Usahawan Kerjaya Pilihan" **57**
- Teater Sarjan Hassan **58**
- Seminar Pelajar Pasak Matlamat Diri, Rahsia Pelajar Luar Biasa **59**
- Kerja Amal Di Majlis Kanser Nasional **60**
- Program Lawatan "Turun ke Desa Seindah Bersama" Pelajar Bba MKM-UUM Sesi Feb 2011/2012 **61**

Lampiran

- Iklan **63**

Sidang Editorial

PENASIHAT

Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya

Ketua Pengarah

Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff

Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)

KETUA EDITOR

Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

EDITOR

Pn. Afiza Abd Karim

Unit Pentadbiran Akademik (UPA)

SIDANG REDAKSI

Pn. Rohalinda Ahad

Putus Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi (CGL)

Pn. Juliana Md Yusof

Putus Perakaunan dan Kewangan (ACTIF)

Pn. Sharifah Shuzaida Saedin

Putus Konsultasi Koperasi (KONSULTASI)

Pn. Khairun Niza Mohd Anuar

Putus Pengurusan Perniagaan (COB)

En. Intiran a/l Harikrishnan

Institut Koperasi Malaysia (iCOOP)

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Putus Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (R & I)

Cik Wan Nur'Ain Abd Rahim

Unit Sumber Manusia (USM)

Cik Nuur Fadzillah Zullkepli

Putus Antarabangsa dan Komunikasi Korporat (InCC)

En. Muhammad Azri Kamis

Jurugambar

Pencetak

Reka Cetak Sdn Bhd

Dari Meja Ketua Editor

Salam Pembuka Bicara,

Penghargaan khas buat semua yang terlibat dalam penyediaan Info bagi keluaran kali ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua kakitangan MKM yang menjayakan aktiviti-aktiviti MKM sepanjang 2013.

Majalah Info kali ini memaparkan beberapa aktiviti menarik bersempena dengan program transformasi MKM yang telah berlangsung di antaranya ialah Pelancaran Strategik ke Arah Merealisasikan UKoM 2024 yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Dato'Sri Hasan Malek dan Majlis Makan Malam Ulang tahun MKM Ke-57.

Bersempena dengan program transformasi MKM juga, beberapa pendekatan turut dilaksanakan seperti penganjuran program CEO Talk 2013 – ‘Menerajui Transformasi’ oleh tokoh-tokoh tempatan yang berjaya. Ia dilihat sebagai langkah yang bernalas dalam memastikan pemimpin yang berkualiti dapat memacu arus transformasi dalam sesebuah organisasi.

Semoga para pembaca mendapat manfaat yang berguna bagi setiap kupasan artikel-artikel yang terkandung dalam Info pada kali ini.

Selamat Menyambut Tahun Baru 2014

Sekian.

Salam Koperasi.

Hjh. Julia Bee Ramjan

Majlis Makan Malam

ULANG TAHUN MKM KE-57 DAN PELANCARAN PELAN STRATEGIK KE ARAH MEREALISASIKAN UNIVERSITI KOPERASI MALAYSIA (UKoM)

Oleh: Wan Nur'Ain binti Wan Abd Rahim



Maktab Koperasi Malaysia (MKM), telah ditubuhkan pada 13 November 1956 dan pada tahun 2013 genaplah 57 tahun penubuhannya. Bersempena dengan itu, satu Majlis Makan Malam Ulang Tahun MKM ke-57 telah diadakan dengan kehadiran YB Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK), Lembaga Pengarah MKM, Ketua Setiausaha PDNKK, Ketua Agensi, Mantan Lembaga Pengarah MKM, Anggota

Lembaga Koperasi (ALK), Pesara MKM dan warga kerja MKM. Majlis gilang-gemilang ini telah diadakan di Shah Alam Convention Centre (SACC), Shah Alam pada 12 November 2013.

Pada majlis tersebut juga telah diadakan pelancaran Pelan Strategik ke Arah Merealisasikan Universiti Koperasi Malaysia (UKoM). MKM melalui MKM Global Holdings Sdn. Bhd. (MKMGH), berhasrat menuju sebuah institusi pendidikan tinggi swasta iaitu

Universiti Koperasi Malaysia (UKoM) menjelang tahun 2024 di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta (Akta IPTS) 1996. Peranan UKoM ialah untuk melahirkan generasi tenaga kerja dan anggota koperasi yang dinamik serta berkemahiran tinggi di masa hadapan. Sebagai langkah permulaan, MKM telah membuat penjenamaan semula atas Pusat Pendidikan Tinggi iaitu Institut Koperasi Malaysia (iCoop Malaysia) secara rasminya pada 1 Oktober 2013 dan seterusnya



YB. Menteri PDNKK bergambar kenangan bersama-sama penerima penghargaan Pengurus Koperasi terpilih



Pelancaran buku Pelan Strategik ke arah Merealisasikan UKoM oleh YB. Menteri PDNKK

memohon pendaftaran menjadi Kolej Universiti Koperasi Malaysia (KUKoM).

Melalui penubuhan KUKoM, ia akan dapat menawarkan pelbagai program pengajian tinggi yang bakal memanfaatkan gerakan koperasi dan seterusnya dapat membangunkan profesional dalam bidang koperasi selaras dengan hasrat kerajaan seperti yang tertulis dalam Dasar Koperasi Negara (DKN). Selain itu,

penubuhan KUKoM juga merupakan persediaan ke peringkat yang lebih tinggi dengan sasaran untuk menjadi universiti koperasi utama di bidang perkoperasian negara dan rantau Asia.

Penubuhan IPTS ini adalah pelengkap kepada peranan MKM yang akan terus kekal dengan peranannya memberi pendidikan sepanjang hayat kepada warga koperasi melalui latihan dan pendidikan pelbagai bidang agar

koperasi berdaya saing dan dapat menyumbang kepada ekonomi negara dan anggota.

Tetamu seramai 500 orang telah dihiburkan dengan persembahan kumpulan koir MKM dan nyanyian oleh pegawai MKM iaitu Cik Rina Fairuz Yahya, En. Mohd. Hamzah Kasim, Cik Nuur-Fadzillah Zulkepli dan En. Haris Mohd Alwi diiringi dengan kumpulan muzik Suruhanjaya Syarikat Malaysia.



YB. Menteri beramah-mesra dengan kakitangan MKM Persembahan Koir MKM



CEO TALK
LEADING
TRANSFORMATION

by Abdul Malik Abdullah



CEO TALK 2013

"MENERAJUI TRANSFORMASI"




Dirasmikan Oleh

YBhg. Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya

Ketua Pengarah, Maktab Koperasi Malaysia

SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)

12 NOVEMBER 2013 (SELASA)



CEO TALK 2013 “Menerajui Transformasi”

Oleh: Zaharatul Laili Zakaria

Dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020, agenda transformasi dilihat sebagai pengukur terhadap kemajuan sesebuah negara. Justeru, selaras dengan matlamat negara, Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 telah menggariskan beberapa teras dan inisiatif ke arah mentransformasikan gerakan koperasi untuk menjadi satu sektor yang mampu bersaing dan memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Sejajar dengan agenda tersebut, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RnI) telah menganjurkan Program **CEO TALK** bertema “Menerajui Transformasi” bertempat di Shah Alam Convention Centre (SACC) pada 12 November 2013. Objektif program ini adalah untuk mengenal pasti teras dan komponen utama untuk melaksanakan transformasi serta mengenal pasti faktor kritikal yang harus ada pada kepimpinan koperasi untuk menerajui proses transformasi.

Program yang disertai seramai 283 orang ini terdiri daripada koperator daripada 100 koperasi terbaik di semenanjung Malaysia dan juga koperasi berkluster besar dan sederhana, agensi, kementerian dan pegawai latihan MKM. Program ini turut dijayakan oleh dua orang penceramah yang berpengalaman iaitu En. Abdul Malik Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif D'Tandoor International Group of Restaurants dan Dr. Saiful Amin Jalun, Pensyarah



Antara peserta koperasi yang turut hadir

Kanan di Yayasan Putra Business School Malaysia.

Banyak input yang dapat diperoleh oleh peserta melalui program ini kerana penceramah bukan sahaja berkongsi kisah kejayaan dan pengalaman mereka, bahkan turut sama berkongsi rahsia kejayaan dan ciri-ciri untuk

menjadi pemimpin yang berkaliber dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan efektif dengan komitmen daripada semua peserta yang hadir. Program ini telah berlangsung dengan suasana yang sangat

memberangsangkan dan komen dan cadangan yang bernaik serta sesi soal jawab berjalan dengan aktif. Justeru, dengan penganjuran program ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam melahirkan pemimpin yang dapat menerajui arus transformasi.



Dr. Saiful Amin Jalun turut mengupas rahsia kejayaan seorang pemimpin



Sesi soal jawab

MAJLIS KONVOKESYEN MKM KE-17 PADA 29 OGOS 2013

Oleh: Mohd Nusi Abd Rahman



Usaha kerajaan untuk mentransformasikan koperasi supaya dapat memberi sumbangan yang lebih signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara memerlukan kerjasama dan sokongan semua pihak yang terlibat. Peranan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sebagai satu-satunya institusi latihan koperasi di Malaysia untuk meningkatkan kompetensi penggerak koperasi melalui program latihan dan pendidikan yang ditawarkan adalah selaras dengan lima teras utama Misi Nasional bagi melahirkan modal insan yang kompeten khususnya kepada gerakan koperasi.

Pada Majlis Konvokesyen kali ini menyaksikan penganugerahan 124 orang graduan yang menerima Sijil dan Diploma Pengurusan Koperasi dari

YB Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 32 orang menerima Sijil Pengurusan Koperasi sementara 92 orang menerima Diploma Pengurusan Koperasi.

Sehubungan itu, lahirnya graduan pada Majlis Konvokesyen ini memberi peluang kepada koperasi menawarkan pekerjaan kepada graduan untuk berkhidmat sepenuh masa bagi memajukan koperasi. Jika perkara ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh oleh semua koperasi, hasrat teras strategi ketiga dasar koperasi negara bagi mewujudkan 80% daripada tenaga kerja di koperasi kluster besar dan sederhana terdiri daripada mereka yang bekerja sepenuh masa dan berkelayakan akan dapat dipenuhi.

Selain memperkenalkan program pengajian sepenuh masa, MKM juga turut memperkenalkan program pengajian separuh masa secara pendidikan jarak jauh di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran dengan pengkhususan Pengurusan Koperasi secara e-PJJ ini dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Terbuka Malaysia. MKM mengambil inisiatif memperkenalkan program ini bagi menggalakkan pendidikan sepanjang hayat khususnya di kalangan warga koperasi. Mereka boleh terus belajar tanpa perlu meninggalkan pekerjaan masing-masing bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja bagi mengubah masa hadapan warga kerja tetapi juga diharapkan akan dapat mengubah masa hadapan koperasi mereka sendiri.



Dari kiri Timb. Ketua Pengarah (Akademik) MKM, Pengerusi Lembaga MKM, Ketua Pengarah MKM, YB Menteri PDNKK, Timb. Ketua Setiausaha KPDNKK, Pengerusi Eksekutif SKM dan Timb. Ketua Pengarah (Pengurusan) MKM



Sesi penyampaian Diploma Pengurusan Koperasi oleh YB Menteri



Sebahagian graduan Diploma Pengurusan Koperasi

42 Graduan Ijazah Pentadbiran Perniagaan MKM-UUM Terima Ijazah

Oleh: Nazirah Baharudin



Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan pengkhususan Pengurusan Koperasi anjuran bersama Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) mula diperkenalkan pada Disember 2008. Kini terdapat seramai 188 orang pelajar sedang mengikuti program tersebut di kampus MKM Petaling Jaya. Graduan pertama program ini telah menerima ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen UUM kali ke-25 pada Oktober 2012. Manakala graduan kumpulan kedua seramai 42 orang menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-26 Universiti Utara Malaysia (UUM) di Dewan Mu'adzam Shah UUM Sintok

pada 3 Disember 2013. Graduan ini menerima ijazah masing-masing daripada Pro-Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz bersama graduan UUM yang lain.

Graduan terbaik bagi Program ini ialah Hajar Azwin Binti Haji Mohamad Ashi yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.72. Beliau berkata, empat tahun mengikuti program tersebut memberikannya banyak ilmu dan pengetahuan tentang pentadbiran perniagaan. Ilmu dan pengetahuan ini amat penting dan berguna bagi beliau menjalankan tugas dan perniagaan secara sambilan yang menjadi minatnya sejak kecil.



Graduan Terbaik, Hajar Azwin Hj. Mohamad Ashi, kini berkhidmat sebagai pegawai latihan MKM



Menurut beliau yang kini sedang berkhidmat sebagai Pegawai Latihan di MKM, dengan ilmu yang diperoleh semasa menuntut menjadikannya lebih menguasai bidang pentadbiran perniagaan dan bidang koperasi dengan lebih meluas.

Rakannya Mashitah Binti Ahmad yang kini sedang berkhidmat di Koperasi Kakitangan UiTM Shah Alam turut bersetuju dengan pandangan sahabatnya. Beliau berharap semua ilmu yang dipelajari akan dapat diaplikasikan di alam pekerjaan khususnya membantu mentadbir perniagaan koperasi di mana beliau bertugas. Beliau telah menjalani latihan industri di koperasi ini pada tahun akhir dan kemudiannya ditawarkan untuk terus bekerja dengan koperasi tersebut.

Graduan program ini juga mengharapkan agar lebih ramai pelajar akan memilih program seumpama

ini yang membuka peluang kepada generasi muda untuk membina kerjaya bukan sahaja di sektor kerajaan swasta tetapi sektor koperasi yang berpotensi untuk dikembangkan. Mereka berharap akan lebih ramai graduan dalam bidang koperasi ini dilahirkan bagi membantu koperasi melonjakkan pendapatan dan seterusnya memainkan peranan untuk membolehkan koperasi menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan lebih signifikan lagi.

Walaupun graduan yang dilahirkan oleh MKM tidak begitu ramai berbanding Institusi Pendidikan Tinggi Awam/Awas (IPTA/IPTS) lain di Malaysia, peluang graduan untuk memasuki pasaran pekerjaan adalah cerah kerana terdapat lebih sepuluh ribu koperasi yang memerlukan tenaga profesional untuk mengurus dan mentadbir koperasi.



Mashita Ahmad kini sedang berkhidmat di Koperasi Kakitangan UiTM Shah Alam Selangor

Institut Koperasi Malaysia (iCOOP Malaysia)

Oleh: Hj. Ramlan Kamsin



Ketua Pengarah MKM sedang memotong reben menandakan transformasi MKM bermula dengan penjenamaan semula Pusat Pendidikan Tinggi MKM menjadi iCOOP Malaysia

Setelah wujud sejak 1956 atau 57 tahun yang lalu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) terus berusaha keras tanpa rasa jemu untuk menempatkannya menjadi pusat latihan dan pendidikan koperasi yang relevan dan dikenali bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Saban tahun warga koperasi dari luar negara telah memilih untuk mengunjungi MKM untuk bertukar pengalaman dan pandangan tentang latihan dan pendidikan gerakan koperasi.

MKM mula memperkenalkan program jangka panjang di peringkat pendidikan tinggi sejak 1991 iaitu program Diploma Pengurusan Koperasi. Hasrat untuk menjadi Institut Pendidikan Tinggi sentiasa diusahakan kerana sebagai IPT yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, langkah MKM akan lebih pantas untuk memartabatkan kesarjanaan bidang koperasi yang merupakan kebitaraan MKM melalui program yang ditawarkan di peringkat sijil, diploma, ijazah, sarjana dan PhD. Melalui modal insan yang dilahirkan dan kajian penyelidikan yang dilaksanakan nanti dijangka akan dapat mengubah landskap gerakan koperasi di Malaysia dengan menyumbang kepada sosio ekonomi komuniti dan seterusnya kepada KDNK negara.

YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya di Hari Koperasi Negara 2013 mencadangkan agar kedudukan MKM dikaji semula. Sementara YB Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pula mahu melihat

sebuah Kolej Universiti Koperasi ditubuhkan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu sebagai langkah proaktif, MKM perlu ditransformasikan dengan memisahkan Pusat Pendidikan Tinggi dan Antarabangsa yang mengendalikan program pendidikan tinggi dari MKM. Pusat Pendidikan Tinggi MKM dijenamakan semula mulai 1 Oktober 2013 dengan nama baru iaitu Institut Koperasi Malaysia atau iCOOP Malaysia. Majlis pelancaran iCOOP Malaysia telah disempurnakan dengan rasminya oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya,

Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia.

Dalam ucapannya, Ketua Pengarah memaklumkan pertukaran ini adalah pertukaran secara pentadbiran iaitu iCOOP Malaysia akan menumpukan sepenuhnya kepada pengendalian program pendidikan tinggi sementara MKM pula akan menumpukan kepada pengendalian kursus jangka pendek sahaja. Menurutnya lagi, iCOOP juga diberi tanggungjawab untuk memohon menujuhkan Kolej Universiti Koperasi melalui pengecualian moratorium pendaftaran penubuhan IPTS oleh

anak syarikat MKM iaitu MKM Global Holding dari jemaah menteri dan berusaha memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penubuhan Kolej Universiti Koperasi ini dirasakan penting kerana kebanyakan negara telah menujuhkan universiti koperasi seperti Kenya, Tanzania, Mondragon, Colombia, India, Myanmar dan lain-lain. Penubuhan kolej universiti ini dijangka akan menaikkan lagi nama MKM dan Malaysia sendiri dalam gerakan koperasi di dunia.



Pegawai MKM turut serta menyaksikan pelancaran Institut Koperasi Malaysia (iCOOP Malaysia)

MESYUARAT KETUA-KETUA INSTITUSI LATIHAN DAN PENDIDIKAN KOPERASI

Oleh: Noor Shafeeza Zainudin



Sesi bergambar bersama pegawai kanan ANGKASA dan MKM

Dato'Sri Ismail Sabri Yaakob, bekas YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mahu menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan koperasi di Rantau Asia Pasifik. Hasrat ini dizahirkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Perancangan Strategik Kementerian pada pertengahan tahun 2012. Bagi menyahut saranan tersebut, MKM telah mengambil inisiatif menganjurkan satu mesyuarat yang dihadiri oleh ketua-ketua institusi latihan koperasi sekitar negara rantau Asia pada 9-11 September 2013.

Seramai 15 orang ketua dan wakil institusi latihan dan pendidikan koperasi telah hadir seperti :-

- Cooperative Academic Institute, Kasetsart University of Thailand,
- Institute of Cooperative and Bio-Enterprise, College of Economic and Management University of Philippines
- National Economic Technical College of Vietnam
- IKOPIN dan DEKOPIN Indonesia
- Vaikunth Metha National Institute of Cooperative Management India
- Cooperative College Phaungyi Myanmar
- Singapore National Cooperation Federation
- Maktab Koperasi Malaysia
- PULAKOP Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- ANGKASA

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah MKM. Mesyuarat ini telah membincangkan cadangan mewujudkan hab latihan koperasi, kerjasama dan jaringan antara institusi latihan koperasi, isu-isu dan cabaran dalam latihan dan pendidikan koperasi.

Pada dasarnya ketua institusi latihan koperasi bersetuju dengan idea penubuhan hab latihan koperasi ini. Bagaimanapun kertas *blueprint* berhubung cadangan ini perlu disediakan dengan mengambil kira objektif hab, faedah yang diperoleh, peranan dan tanggungjawab, struktur organisasi, sumber kewangan, bidang kerjasama yang dicadangkan adalah berkaitan dengan



Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff mempengerusikan Mesyuarat Ketua-ketua Institusi Latihan dan Pendidikan Koperasi

kursus jangka pendek, program jangka panjang, penyelidikan, persidangan, forum, program sangkutan, lawatan, pertukaran pelajar dan perkongsian maklumat koperasi di laman sesawang.

Mesyuarat juga turut membincangkan isu-isu berkaitan latihan dan pendidikan koperasi

seperti imej koperasi yang tidak begitu baik, langkah-langkah untuk menarik minat pelajar bagi menyambung pelajaran dalam bidang koperasi, gaji pekerja koperasi yang kurang menarik dan cara mempromosikan perniagaan sesama koperasi.

Ketua institusi latihan koperasi juga bersetuju MKM menjadi

urusetia hab latihan koperasi bagi menyediakan dokumen yang berkaitan. Adalah diharapkan agar hasrat penubuhan hab latihan dan pendidikan koperasi ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat ini di samping meningkatkan imej MKM dan Malaysia dalam gerakan koperasi di dunia.



Para delegasi dan tetamu menikmati jamuan makan malam di atas kapal Cruise Tasik Putrajaya



PROGRAM JOINT WORKING GROUP (J.W.G)

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN MOA DI ANTARA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (KPDNKK) (MALAYSIA) DAN MINISTRY OF PLANNING AND INVESTMENT(MPI) (VIETNAM)

Oleh: R. Zarinatun Mohd Abdul Kader

Satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia (KPDNKK) dan Kerajaan Vietnam (MPI) pada 26 September 2012. Dengan termeterai perjanjian ini mesyuarat pertama Joint Working Group (J.W.G) Malaysia-Vietnam telah diadakan pada 7 - 9 Januari 2013 di Hanoi, Vietnam. Rombongan Malaysia diketuai oleh Dato' Saripuddin Kasim, KSU KPDNKK, Malaysia, bersama wakil agensi yang terdiri daripada KPDNKK, MKM, SKM dan Angkasa . Manakala bagi negara Vietnam pula diketuai oleh Dang Huy Dong, Timbalan Menteri, MPI.

Tujuan mesyuarat ini adalah bagi membincangkan kerjasama strategik dalam bidang latihan dan pendidikan

koperasi serta aktiviti-aktiviti berdasarkan pengetahuan seperti program latihan, penyelidikan, pertukaran maklumat, kepakaran program latihan dan program sangkutan. Kerjasama ini akan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi di Malaysia dan Vietnam dalam pelbagai aspek pendidikan dan latihan koperasi khususnya. Perbincangan lanjut telah dibuat bagi mengatur beberapa program dan cadangan telah diutarakan oleh Vietnam bagi mengenalpasti amalan-amalan baik yang diperlakukan oleh koperasi di negara tersebut. Pihak Vietnam juga telah mendedahkan kepada pegawai tentang sistem dan perkembangan gerakan koperasi di

Vietnam secara amnya serta melihat pencapaian dan kejayaan koperasi tersebut beroperasi.

Pusat Antarabangsa telah diamanahkan untuk menjadi penyelaras dan sekali gus memastikan program sangkutan dan program latihan yang berasaskan pendidikan dan ilmu pengetahuan (knowledge based activity) ini diberi keutamaan. Komunikasi lanjutan melalui e-mel telah dibuat pada 21 Mac 2013, kepada En. Nguyen Minh Tu, Director General, Department of Cooperative Development, Vietnam di bawah Ministry Planning Investment, Vietnam untuk bersama-sama menyelaras program sangkutan dan program latihan di Vietnam.

Pihak Kementerian MPI telah melantik penyelaras program di Vietnam bagi memastikan program ini diadakan pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu, persetujuan dicapai untuk melantik Ms. Nguyen Thi Mai, Head of Science, Technology & International Cooperation dari The National Economics- Technology College (NETC) selaku penyelaras bagi pihak Vietnam bersama-sama Pn. R. Zarinatun Mohd Abdul Kader, selaku penyelaras mewakili Pusat Antarabangsa, MKM yang bertanggungjawab bagi mengatur program latihan ini.

Pada 13 September 2013, satu mesyuarat persediaan bagi program latihan telah diadakan di Pusat Antarabangsa, MKM Jalan Selangor. Wakil dari pihak Vietnam iaitu Mr. Ho Van Ly (Vice Principal) & training activities National Economic – NETC, Vietnam dan penyelaras program bagi pihak Vietnam Ms. Nguyen Thi Mai (Head of Technology Science and International Cooperation Department National Economic Technical College (NETC) telah hadir untuk berbincang tentang penyusunan program bersama penyelaras di Malaysia dan peserta

yang akan mengikuti program ini. Di samping mengeratkan hubungan dua hala, delegasi ini juga telah diberi pendedahan tentang peranan MKM sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam pendidikan koperator demi gerakan koperasi di Malaysia.

Kerjasama pertama hasil daripada lawatan kerja ini telah membawa kejayaan apabila pada 18 November hingga 1 Disember 2013, empat orang pegawai MKM dan ANGKASA telah berjaya menyertai program latihan di NETC, Hanoi, Vietnam.



Barisan pegawai yang hadir mewakili Ministry of Planning & Investment, Vietnam



Delegasi dari Malaysia



Dato' Saripuddin Kasim, KSU KPDKKK, Malaysia menyampaikan cenderahati kepada Mr. Dang Huy Dong, Timbalan Menteri, MPI, Vietnam



Penyelaras dari Malaysia dan Vietnam bergambar bersama En. Ho Van Ly, Vice Principal NETC

ICA-AP & NACF JOINT WORKSHOP

Agricultural Co-operative System in Korea

Oleh: R. Zarinatun Mohd Abdul Kader



Peserta-peserta kursus bergambar kenangan di hadapan bangunan NongHyup

Pada 23 September 2013, satu program ICA-AP dengan kerjasama National Agricultural Co-operative Federation (NACF) telah diadakan di Seoul, Korea. Seramai 15 orang peserta dari 9 buah negara iaitu Malaysia, India, Filipina, Vietnam, Nepal, Bhutan, China dan Sri Lanka telah mengikuti program ini. Objektif program ini ialah untuk melihat dan mempelajari bagaimana pemimpin koperasi pelbagai peringkat membangunkan koperasi pertanian dan menjalankan pelbagai

fungsi (multifunctional mode) bagi membangunkan Koperasi Pertanian di Korea. Program ini juga memperlihatkan kepada peserta pelbagai perniagaan dan perkhidmatan yang telah diperkenalkan di peringkat National Agricultural Cooperative Federation (NACF). Terdapat tiga tonggak kerjasama pertanian iaitu Extension (pengembangan), bekalan pertanian dan pemasaran serta perbankan pertanian dan perniagaan insurans. Program ini juga mendedahkan

kepada para peserta bagaimana sebuah koperasi atasan seperti NACF memainkan peranan yang begitu besar mewakili koperasi-koperasi di Korea. Ini boleh dijadikan model khususnya kepada koperasi atasan di Malaysia dalam membangunkan koperasi pertanian di Malaysia. Selain itu, peserta juga dapat mengenal pasti pakar rujuk dan juga peluang dalam usaha menjalankan kerjasama di antara peserta dan negara yang mereka wakili khususnya dalam bidang

latihan, pendidikan, penyelidikan dan konsultasi dengan koperasi-koperasi pertanian serta organisasi lain.

NACF ditubuhkan pada tahun 1961 iaitu hasil dari penggabungan Koperasi Pertanian dan Bank Pertanian. NACF dikenali juga sebagai "Nonghyup" yang bermaksud "Korea Agricultural Cooperative" merupakan sebuah organisasi atasan (Apexbody) yang mewakili koperasi pertanian di Korea. NACF wujud atas kesedaran tentang perlunya satu badan peringkat nasional yang menjadi asas kepada gerakan koperasi pertanian di Korea. Selain mengenal pasti amalan baik yang dipraktikkan oleh koperasi di negara tersebut para peserta juga didedahkan kepada sistem dan perkembangan gerakan koperasi di Korea secara amnya dan melihat sendiri pencapaian dan kejayaan koperasi tersebut beroperasi.

Peserta telah diberi peluang untuk melawat beberapa tempat di Korea

antaranya ialah Kompleks Pemasaran Pertanian YangJae-dong, salah satu kompleks pemasaran produk pertanian Agricultural Marketing Complex (AMC) yang dimiliki oleh NACF. Pada asalnya kompleks ini adalah sebuah pasar borong yang telah diubah suai menjadi kompleks pemasaran pertanian. YangJae-dong Hanaro-Mart atau lebih terkenal dengan nama "Hanaromarts" merupakan sebuah pasar raya yang terbesar di daerah YangJae-dong. NACF juga telah memperkenalkan sistem pemasaran yang lebih efektif bagi memasarkan produk pertanian dan bahan makanan anggota koperasi agar dapat dipasarkan dengan lebih berkesan dan dapat mengurangkan peranan yang dimainkan oleh orang tengah. Sehingga kini jumlah Pusat Pengedaran Produk Pertanian yang telah dibina di Korea ialah sebanyak 6 buah Hanaro Clubs (hypermarket), 24 buah Hanaro Marts (Supermarket), 4

buah pusat pengumpulan daging dan 3 buah rantaian restoran yang beroperasi seluruh dunia.

Lawatan seterusnya adalah di Koperasi NongHyup-Hansamin Corp. atau Nonghyup Korea Ginseng. Mula beroperasi pada tahun 2002, koperasi ini merupakan sebuah koperasi yang terbesar dalam pengeluaran dan perusahaan Red Ginseng di Korea. Koperasi ini telah membantu para petani menjana pendapatan yang lumayan dalam perusahaan Red Ginseng. Malah petani ini telah menjadi perintis bagi Korea Red Ginseng di pasaran global. Jalinan kerjasama yang rapat di antara koperasi dan para petani telah menjadikan koperasi ini pengeluar dan pengedar kepada kira-kira 150 produk ginseng merah di bawah jenama Hansamin. Koperasi ini juga mempunyai tiga ibu pejabat, lapan bahagian, dua anak syarikat dan seramai 160 orang kakitangan.



Lawatan kerja ke Koperasi NongHyup Hansamin Corp.

Lawatan diteruskan ke kompleks pemasaran pertanian di Agricultural Processing Complex (APC) di daerah Chungju, iaitu Chungbuk Horticultural Cooperative. Ia merupakan sebuah kompleks pemasaran yang terbesar di daerah Chung-buk. Kompleks ini telah dibuka pada tahun 2008 dan mempunyai keluasan $43,973\text{ m}^2$ (tanah) dan $14,469\text{ m}^2$ (bangunan) dan memiliki tempat penyimpanan yang bersuhu rendah seluas $3,477\text{ m}^2$. Antara produk pertanian yang utama ialah buah epal, *pear* dan *peach*. Kompleks ini boleh menampung sebanyak 12,000 tan setahun dan mempunyai tempat penyimpanan seluas 3,400 ton (max). Kompleks ini menerima hasil pertanian khususnya dari 600 orang petani iaitu untuk hasil pertanian buah epal sahaja dari 550 orang petani dan hasil pertanian bagi buah *peach* pula dari 50 orang petani. Keuntungan yang diperoleh bagi tahun 2011 ialah 9 juta setahun dan bagi tahun 2012 sebanyak

10 juta setahun. Malah kompleks ini merupakan pengedar utama buah-buahan di luar negara seperti Taiwan, Amerika Syarikat, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand, Hong Kong, Rusia, Mongolia dan negara Asia Timur.

Lawatan kerja yang terakhir ialah di Agricultural Museum, NACF, Seoul Muzium pertanian yang telah ditubuhkan oleh National Agricultural Cooperative Federation pada tahun 1987 bersama "Agricultural Heritage Collection Movement" yang telah dijalankan oleh peserta yang aktif dan kerjasama daripada ahli-ahli koperasi dan seramai 1,300 daerah di seluruh Nonghyups sebagai asas. Sejak itu, pengembangan dan penyusunan semula kemudahan pameran berterusan sehingga pembinaan bangunan baru pada tahun 2003 dan seterusnya pembukaan semula pada tahun 2005.

Bangunan muzium pertanian terdiri daripada tiga dewan iaitu dewan

pameran yang menggambarkan sebuah model suasana sawah padi secara tradisional dijalankan di Korea. Ia bertujuan untuk menunjukkan pembangunan pertanian di Korea iaitu kronologi dari zaman neolitik ke zaman moden. Pameran penanaman padi secara tradisional dan pertanian secara empat musim serta secara pertanian isi rumah tradisional telah menjadikannya sebagai satu tarikan kepada pelawat yang datang. Manakala patung-patung yang dihias dengan pakaian tradisional telah menghidupkan semula suasana perkampungan di zaman silam. Sejarah dan projek Nonghyup diperkenalkan, beras, *kimchi*, ternakan dan pertanian eksport dipaparkan untuk menunjukkan kecemerlangan dan kepentingan pertanian Korea.

Secara keseluruhan program ini sangat bermanfaat dan membuka minda para peserta untuk mendalami budaya dan aktiviti pertanian yang dijalankan di negara Korea.



Peserta bergambar di dalam pasar raya "Hanaromarts" yang terletak di bandar YangJae-dong, Korea

PROGRAM BIDANG KEPAKARAN PERUNCITAN DAN PEMBORONGAN: NORWEGIAN COOPERATIVE CENTRE & NORGE COOP, NORWAY

Oleh: Noranita Mohd Nor



Taklimat oleh Mrs May Woldnes, Director, The Norwegian Cooperative Centre



Coop Obs yang berkonsepkan hypermarket

Pada bulan Ogos 2013 Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menghantar dua orang pensyarah ke Norway di bawah bidang kepakaran peruncitan dan pemborongan. Program bidang kepakaran 'peruncitan dan pemborongan' merupakan sebuah program yang dijalankan oleh MKM kepada semua pensyarah mengikut bidang kepakaran masing-masing. Melalui bidang kepakaran para pensyarah boleh mengikuti apa-apa kursus dan program yang berkaitan dengan bidang kepakaran bagi memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kepakaran sedia ada. Program bidang kepakaran yang diadakan di negara Norway ini juga merupakan program sangkutan yang diikuti oleh pensyarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) bertujuan untuk menambahkan


lagi ilmu pengetahuan dalam bidang pemborongan dan peruncitan serta mempelajari kaedah-kaedah yang boleh diguna pakai sepanjang program sangkutan berlangsung. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai perjalanan pengurusan peruncitan dan saluran pengagihan serta rantaian nilai koperasi di Norway. Program ini telah dijalankan selama 10 hari bermula dari 12 hingga 22 Ogos 2013.

Sepanjang program ini berlangsung, peserta telah didedahkan dengan gerakan koperasi di Norway oleh Mrs May Woldnes selaku Director di Norwegian Cooperative Centre. Gerakan koperasi di Norway telah bermula pada tahun 1850 iaitu dengan penubuhan koperasi pengguna dan

pertanian. Anggota koperasi di Norway dianggarkan seramai 2.5 juta orang dan sebanyak 7000 buah koperasi terdapat di Norway. Manakala jumlah pekerja koperasi pula sebanyak 40,000 orang dan jumlah perolehan sebanyak 130 bilion NOK (RM66 bilion). Fungsi koperasi di Norway selain daripada pengguna adalah pertanian, perikanan, perumahan, *kindergarten*, *handicraft* dan banyak lagi. Akta Koperasi Norway baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Januari 2008. Sebelum ianya dikuatkuasakan koperasi di Norway hanya bergantung kepada Akta Koperasi yang universal dan tidak spesifik. Setelah akta ini dikuatkuasakan semua koperasi adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan. Norwegian Cooperative Centre (NCC) pula merupakan



Pn. Rahimah, Pengarah MKM Cawangan Sabah bersama Mr. Odd Rune Andersen



Penulis (kiri) dan Pengarah MKM Cawangan Sabah di hadapan Muzium Koperasi bersama Mr Erik Rod dan isteri

sebuah organisasi yang memberi maklumat mengenai koperasi, dokumentasi dan nasihat. NCC mempunyai 9 orang ALK dan seorang kakitangan sahaja. NCC juga turut menyelaras program untuk para anggota dan mempromosikan kebaikan berkoperasi kepada orang awam.

Peserta telah berkesempatan untuk ke Norge Coop iaitu salah satu penyumbang terbesar dalam industri peruncitan di negara Norway bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan peruncitan dan saluran pengagihan koperasi tersebut. Taklimat dan maklumat yang berkaitan telah disampaikan oleh Mr. Odd Rune Andersen, Director Norge Coop dan Mr Kai Enger, Private Brand & Sourcing Manager Non-Food, Norge Coop. Norge Coop mempunyai sembilan jenis konsep kedai iaitu Coop Prix, Coop Obs, Coop Mega, Coop Extra, Coop marked, Coop Extra bygg, Coop Obs bygg, Coop byggmix dan Smart Club. Setiap konsep kedai mempunyai ciri-ciri yang tertentu seperti perbezaan dari segi konsep kedai, harga, promosi, bilangan produk dan lain-lain. Secara keseluruhannya terdapat 846 jumlah outlet di Norway. Norge Coop mempunyai keahlian sebanyak 1.3 juta anggota dan 22, 500 jumlah pekerja. Peserta turut melawat Muzium Koperasi Pengguna yang terdapat pelbagai barang peninggalan sejarah kedai koperasi yang boleh didapati di sana. Semasa di sana, Peserta telah disambut oleh Mr. Erik Rod yang merupakan kakitangan Norge Coop dan juga penjaga muzium tersebut. Beliau memaklumkan bahawa tapak muzium tersebut merupakan tapak sebenar kedai koperasi pengguna suatu masa dahulu.

Secara keseluruhannya, program seperti ini telah banyak memberi pendedahan, pengajaran dan pengalaman yang tidak ternilai. Kesemua ini diharap dapat dikongsikan bersama gerakan koperasi di Malaysia khususnya bagi meningkatkan pencapaian koperasi. Semoga program ini dapat diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang.

LAWATAN KERJA DELEGASI DARI MINISTRY PLANNING & INVESTMENT OF VIETNAM KE MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)

Oleh: R. Zarinatun Mohd Abdul Kader



Dato' Saripuddin Kasim, KSU, KPDNKK bersama Mr. Duong Huay Timbalan Menteri, MPI

Pada 25 hingga 29 November 2013 yang lalu Ministry of Planning and Investment of Vietnam (MPI) telah mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk meninjau dan mengkaji fungsi dan peranan KPDNKK, jabatan dan agensi dibawahnya dalam menjalankan peranan bagi memantau dan memajukan sektor koperasi di Malaysia. Delegasi ini diketuai oleh En. Dang Huy Dong, Timbalan Menteri di Ministry Planning & Investment of Vietnam (MPI) bersama En. Bui Nghi, Timbalan Pengarah Bahagian Koperasi dan lima orang pegawai dari Bahagian Koperasi.

Sepanjang jadual lawatan yang berlangsung selama lima hari, rombongan ini telah mengambil peluang untuk bertemu dengan pihak pengurusan tertinggi Maktab Koperasi Malaysia (MKM) pada 26 November 2013. Perbincangan dua hala ini telah diketuai oleh Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM. Lawatan kerja ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama strategik dalam bidang latihan dan pendidikan koperasi serta aktiviti-aktiviti berasaskan ilmu pengetahuan seperti program latihan, penyelidikan, pertukaran maklumat dan kepakaran serta program sangkutan. Jalinan kerjasama ini diharapkan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah turut memberi impak positif kepada gerakan koperasi di kedua-dua



Sesi perbincangan

bah negara dalam pelbagai aspek pendidikan dan latihan koperasi.

Sesi perbincangan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) kepada delegasi Vietnam. Program diteruskan dengan penerangan mengenai, fungsi dan peranan MKM kepada delegasi lawatan melalui tayangan video korporat MKM. Beliau turut memaklumkan bahawa pihak MKM juga telah mengadakan kerjasama latihan melalui perjanjian persefahaman, Joint Working Group Malaysia-Vietnam yang ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia (KPDNKK) dan Vietnam (MPI) pada 26 September 2012 yang lalu. Melalui perjanjian persefahaman ini, seramai dua orang pegawai latihan telah dihantar ke Vietnam untuk mengikuti program latihan di Vietnam pada 18 November

hingga 1 Disember 2013. Program latihan ini telah dianjurkan oleh The National Economics-Technology College (NETC). Tugas-tugas penyelarasan telah diatur bersama oleh penyelaras bersama iaitu Pn. R. Zarinatun Mohd Abdul Kader dari MKM dan Ms. Nguyen Thi Mai bagi pihak NETC, Vietnam.

Seterusnya program diteruskan dengan ucapan dari Timbalan Menteri, MPI. Beliau turut mengambil peluang ini untuk mengemukakan beberapa cadangan dalam menjayakan jalinan kerjasama dengan MKM. Antaranya ialah MPI memohon kerjasama MKM untuk menyediakan satu kurikulum yang membolehkan mereka menghantar pegawai-pegawai mereka untuk mengikuti program *Training for Trainers* (TOT) di MKM. Beliau juga mencadangkan untuk membuat pertukaran pegawai dari Vietnam

ke Malaysia khususnya ke MKM bagi mendapat pendedahan kepada program-program pendidikan yang dijalankan di Maktab Koperasi Malaysia terutamanya dalam bidang koperasi. Timbalan Menteri MPI, juga memohon kerjasama MKM untuk menyalurkan maklumat berkaitan program-program antarabangsa yang dijalankan di MKM kepada mereka. Di samping itu beliau juga meminta bantuan Maktab Koperasi Malaysia melalui Pusat Perakaunan dan Kewangan (ACTIF) untuk menyediakan maklumat berkaitan "Cooperative Taxation".

Secara kesimpulannya lawatan selama setengah hari delegasi MPI ke MKM ini telah menampakkan kesungguhan pihak MPI untuk mendalami ilmu pengetahuan, pendidikan berkenaan koperasi dalam membangunkan gerakan koperasi di Negara Vietnam itu sendiri. Delegasi ini turut melahirkan keyakinan mereka bahawa jalinan kerjasama ini merupakan peluang yang baik untuk membantu dan memperbaiki sistem perundangan koperasi di Vietnam dengan mengambil contoh MKM sebagai institusi yang telah lama mendalami ilmu pengetahuan dalam pendidikan koperasi.

Lawatan Kerja delegasi Vietnam ini diteruskan dengan mengadakan kunjungan hormat balas ke Kementerian PDNKK, di Putrajaya pada 28 November 2013. Pertemuan yang diketuai oleh En. Dang Huy Dong, Timbalan Menteri, Ministry Planning & Investment of Vietnam (MPI) dengan Dato' Saripuddin bin Kasim, KSU, KPDKKK bersama-sama delegasi Vietnam di samping pegawai-pegawai kanan KPDKKK, MKM, SKM dan Angkasa.



Wakil MKM, SKM dan ANGKASA di lawatan balas MPI ke KPDKKK



HARI KOPERASI NEGARA 2013

Oleh: Mohd Khairul Abdul Rasid

Hari Koperasi Negara (HKN) merupakan acara tahunan untuk menjelaskan aktiviti, peranan dan hala tuju gerakan koperasi serta menghebahkan kepada masyarakat umum bahawa koperasi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dari segi ekonomi dan sosial. Pada tahun ini (2013), Dataran Darul Aman, Jitra, Kedah julung kalinya dipilih sebagai tapak berlangsungnya Hari Koperasi Negara (HKN). Program ini berlangsung selama tiga hari bermula dari 23 hingga 25 Ogos 2013. Tema ‘Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat’ yang dipilih adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk mentransformasikan koperasi dalam mendukung prinsip-prinsip koperasi selaras dengan pencapaian ekonomi negara. Pelbagai pameran dan aktiviti yang diadakan memberi tumpuan kepada lima bidang keberhasilan utama dasar koperasi negara yang meliputi bidang perkhidmatan kewangan, pemborongan dan

peruncitan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, pertanian dan industri asas tani serta pelancongan. Sebanyak 180 gerai dari dalam dan luar negara terlibat dalam mempamerkan produk dan perkhidmatan koperasi seperti kraftangan, industri berdasarkan makanan, produk kesihatan, input pertanian, produk pelancongan dan produk jahitan / sulaman.

Pada penganjuran HKN kali ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) turut dilantik menjadi urus setia bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Di pihak MKM, perasmian booth MKM disambut dengan penuh simbolik sebagai tanda bermulanya HKN 2013 dengan pelancaran belon gergasi MKM. Pelancaran telah disempurnakan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM. Di kesempatan ini, MKM mengambil peluang untuk mengorak langkah

menuju hala tuju yang baru dengan melancarkan Pelan Strategik ke Arah Merealisasikan Universiti Koperasi Malaysia 2024 (UKoM). Pelan strategik yang dirangka memberi panduan untuk menetapkan hala tuju, strategi program, fokus serta implementasi terhadap apa yang direncanakan. Selain itu, pelan ini dilihat mampu menjulang nama MKM sebagai pusat latihan dan pendidikan koperasi pertama di Malaysia setaraf dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain.

HKN kali ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin. Turut hadir pada perasmian tersebut ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan, YB Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Paduka Hj Mukhriz Tun Dr. Mahathir serta tetamu-tetamu yang lain termasuklah ketua agensi-agensi di bawah KPDNKK. Memetik ucapan YAB Tan Sri Hj. Muhyiddin Yassin dalam majlis perasmian tersebut



ada menyatakan kerajaan amat mengutamakan kajian semula pakej insentif bagi memastikan koperasi terus diberi peluang yang saksama untuk menceburi pelbagai bidang yang baru dan meningkatkan rantaian nilai yang sedia ada. Pengiktirafan oleh kerajaan kepada sektor koperasi sebagai penyumbang ketiga ekonomi negara adalah sangat penting. Untuk itu, pada majlis tersebut turut diadakan penyampaian anugerah kepada para koperator yang meliputi pelbagai aktiviti koperasi bagi mengenang jasa, sumbangan dan mengiktiraf sektor koperasi. Antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah Koperasi Cemerlang, Anugerah Tokoh Koperasi, Anugerah Perkhidmatan Kewangan, Anugerah Pemborongan dan Peruncitan, Anugerah Pertanian dan Industri Asas Tani, Anugerah Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Anugerah Perladangan, Anugerah Hartanah dan Anugerah Koperasi Sekolah.

HKN turut diisi dengan beberapa program menarik seperti program Forum Perdana Hal Ehwal Islam. Program yang bertemakan "Koperasi

Pemangkin Kesejahteraan Ummah" merupakan kendalian MKM yang menampilkan tokoh agama terkenal tanah air. Antaranya ialah Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Zulkalkarnian Hamzah sebagai penceramah dan Ustaz Mohd Fauzi Mustaffa sebagai moderator. Forum Perdana Hal Ehwal Islam ini turut diselang-selikan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan Far East. Selain itu, HKN turut diserikan lagi dengan persembahan konsert daripada artis terkenal tanah air seperti kumpulan XPDC dan Jamal Abdillah. Kedua-dua

program ini menarik lebih 15 ribu pengunjung.

Secara keseluruhannya, HKN kali ini memberi lebih banyak manfaat kepada masyarakat khususnya kepada para koperator yang terlibat dalam membangunkan sektor koperasi di negara ini. Sambutan lebih 100 ribu pengunjung membuktikan sambutan masyarakat pada HKN. HKN kali ini juga mendapat liputan meluas dari media arus perdana. Diharapkan, program-program seperti ini dapat diteruskan lagi pada HKN yang akan datang.



Kakitangan MKM bergambar di hadapan booth MKM

Seminar Kepimpinan Koperasi “MENCAPAI KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI”

Oleh: Rohalinda Ahad



Ketua Pengarah MKM menyampaikan ucapan perasmian



Pn. Hjh. Hawa Mohamed Salleh, Timbalan Pengerusi Eksekutif (SKM) (kiri), membentangkan kertas kerja pertama

Koperasi memerlukan tokoh kepimpin yang bijaksana, berhemah, berintegriti serta berkeupayaan dalam menghadapi isu dan cabaran semasa di peringkat nasional maupun global. Hasil dapatkan penyelidikan yang dijalankan oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) berkenaan faktor-faktor yang mendorong kepada kejayaan sesebuah koperasi menyatakan kepimpinan berkesan dan efektif merupakan salah satu faktor penting yang mendorong kejayaan sesebuah koperasi.

Sehubungan itu, penganjuran Pusat Pentadbiran Perundangan dan Kepimpinan Koperasi MKM, melalui seminar kepimpinan koperasi bertemakan “Mencapai Kepimpinan Berprestasi Tinggi” telah diadakan pada 21 November 2013 bertempat di Hotel PJ Hilton, Petaling Jaya. Seminar

ini bermatlamat untuk mengenal pasti isu-isu utama berkaitan kepimpinan koperasi di Malaysia, meningkatkan pengetahuan dalam aspek kepimpinan untuk mencapai kepimpinan berprestasi tinggi serta memberi peluang perkongsian pengalaman mengenai amalan kepimpinan berkesan dalam koperasi.

Seminar ini berjaya menarik seramai 630 orang koperator yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurus Koperasi, Kakitangan Kanan Koperasi, Juruaudit Dalam, Ahli Jawatankuasa Koperasi dan Anggota Koperasi.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM. Sesi pertama pembentangan kertas kerja telah disampaikan oleh Pn. Hjh. Hawa Mohamed Salleh,

Timbalan Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan dipengerusikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM.

Pembentangan kertas kerja kedua pula oleh Prof. Madya Datin Dr. Jamilah Othman, Ketua Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan En. Paul Sinappan, pemimpin Koperasi Kredit Rakyat Bhd. Sesi ini dipengerusikan oleh En. Mohd Safa'ai Said, Pengarah Pusat Pentadbiran Perundangan dan Kepimpinan Koperasi MKM.

Pada sebelah petang pula, satu sesi forum bertemakan “Mencapai Kepimpinan Berprestasi Tinggi” telah diadakan dan disertai oleh dua orang pemimpin hebat koperasi iaitu Dato' Hj. Abd Fattah Hj. Abdullah, Presiden



Sesi forum

ANGKASA, Brig. Jen dan Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Malaysia (USIM). (B) Dato' Ahmad Zahudin Hj. Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (KATMB).

Seminar ini juga memberi ruang sesi soal jawab kepada para koperator

bagi mendapatkan maklum balas dan perkongsian pandangan terhadap setiap tajuk yang dibentangkan. Kebanyakan peserta telah mengambil peluang ini secara aktif mengajukan pelbagai persoalan dan pandangan.

Secara keseluruhannya, program seminar pada kali ini sangat bermanfaat dan memberi kesedaran kepada koperator dan

gerakan koperasi. Diharapkan para pemimpin koperasi dapat mengaplikasikan elemen-elemen kemahiran kepimpinan untuk mencapai kepimpinan berprestasi tinggi, berkemampuan mencari alternatif untuk menyelesaikan krisis kepimpinan dalam koperasi serta mempraktikkan amalan kepimpinan yang berkesan dalam koperasi.



Sambutan yang menggalakkan daripada koperator

BICARA PROFESIONAL

“PERTANIAN LESTARI : TRANSFORMASI KOPERASI KE ARAH PEMAKANAN SIHAT”

Oleh: Norhayati Abd. Rahman



Program dirasmikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), MKM

Pada 9 Oktober 2013 Bicara Profesional yang bertajuk “Pertanian Lestari: Transformasi Koperasi ke Arah Pemakanan Sihat” telah diselaraskan oleh Pusat Keusahawanan Koperasi dan Peruncitan (ReCEnt). Program setengah hari ini telah diadakan di Hotel International Kuala Lumpur. Program ini dirasmikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan

Ketua Pengarah (Akademik) Maktab Koperasi Malaysia dan seramai 225 orang peserta telah menyertai program ini yang kebanyakannya terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan kakitangan koperasi, pegawai-pegawai agensi kerajaan dan anggota koperasi. Turut hadir sama dalam program tersebut adalah pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Penceramah untuk Bicara Profesional ini ialah Pn. Nur Wahidah Hambali, Pembantu Pertanian IADA Barat Laut Selangor dan Pengarah Pusat ReCEnt, Pn. Noor Zeeta Mohd Ramli selaku pengurus sesi untuk program tersebut.

Objektif program ini adalah untuk menyampaikan maklumat saintifik dan teknikal serta sebagai medium perkongsian ilmu dan pengalaman di antara pihak yang terlibat secara langsung untuk menjadikan kaedah *System of Rice Intensification (SRI)* sebagai salah satu kaedah penanaman melalui konsep *Natural Farming (NF)*.

kepada anggota koperasi, untuk meningkatkan kualiti hidup anggota koperasi, petani dan komuniti amnya juga untuk meningkatkan hasil tanaman 4-6 kali ganda dan pengurangan kos pengeluaran sehingga 30 peratus serta memastikan penggunaan sumber alam secara lestari sebagai pemangkin kepada pemakanan sihat.

Dengan peningkatan taraf hidup, pengguna kini lebih cenderung memilih bahan makanan berkualiti dan selamat dari sisa kimia (racun perosak, baja, hormon dan sebagainya). Bagi menampung permintaan pengguna, beberapa inisiatif diambil untuk menggalakkan petani/pengusaha menceburi bidang perladangan / tanaman organik. Ini juga merupakan usaha untuk meningkatkan pendapatan petani / pengusaha memandangkan harga barang makanan organik pada amnya adalah 2-3 kali lebih tinggi dari yang bukan organik. Salah satu cara untuk menghasilkan makanan organik adalah melalui kaedah pengeluaran *Natural Farming (NF)*.



Antara koperator yang hadir



Demonstrasi latihan untuk menghasilkan Produk SRI oleh Pn. Nur Wahidah Hambali

Natural Farming (NF) telah lama diamalkan di Korea dan beberapa negara di Asia. Berbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan padi diusahakan menggunakan teknik pengeluaran ini. NF ialah satu kaedah pengeluaran yang menggunakan sumber semula jadi termasuk mikroorganisma

setempat (Indigenous Microorganism ~ IMO), bahan berdasarkan tumbuhan dan haiwan serta faktor persekitaran (air, udara, cahaya matahari dan tanah). Menyedari hakikat ini, koperasi perlu mengambil langkah proaktif dengan menggunakan kaedah SRI untuk meningkatkan pengeluaran tanaman khasnya kepada koperasi pertanian

dan masyarakat amnya. Langkah ini adalah selaras dengan lima bidang keberhasilan aktiviti ekonomi dalam (DKN) 2011-2020 iaitu bidang pertanian dan industri asas tani. Dalam Teras Strategik TS1 menyatakan koperasi juga perlu mengaplikasikan teknologi hijau terutama untuk koperasi pertanian dan penternakan. Kepentingan dan kesesuaian kaedah SRI untuk diguna pakai secara meluas di Malaysia telah dikongsi oleh penceramah.

Pelbagai soalan, pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh para peserta sepanjang sesi soal jawab berlangsung. Demonstrasi atau latihan untuk menghasilkan produk SRI juga telah diadakan oleh penceramah. Di samping penglibatan aktif para peserta, pembentangan yang berkesan telah berjaya memberi impak yang positif kepada semua peserta yang hadir dalam usaha memastikan pelaksanaan pertanian lestari dapat dilaksanakan oleh koperasi dan masyarakat amnya.



Warga ReCENT bersama Pn. Nur Wahidah Hambali

KONVENTSYEN TRANSFORMASI MODAL INSAN MEMPERKASA NILAI AUDIT KOPERASI 3 OKTOBER 2013



MESYUARAT KETUA-KETUA INSTITUSI LATIHAN DAN PENDIDIKAN KOPERASI 9-11 SEPTEMBER 2013



Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Certificate in Co-operative Poverty Reduction 25 November - 6 Disember 2013



MAJLIS KONVOKESYEN 29 OGOS 2013



Bicara Profesional

CLOUD COMPUTING: REVOLUSI PENGKOMPUTERAN MASA KINI

Oleh: Azlifah Abas



Pn. Najmah Nawawi (moderator) bersama pembentang kertas kerja, En. Mohd Fazly Mohd Yin (kiri) dan Dr. Sulaiman Hashim (berdiri)

Bicara Profesional yang bertajuk “Cloud Computing: Revolusi Pengkomputeran Masa Kini” telah berlangsung dengan jayanya pada 26 September 2013 bertempat di Hotel Prescott Metro Inn, Kajang, Selangor. Ini merupakan Program Bicara Profesional (BP) yang kedua dengan tajuk yang sama seperti yang diadakan di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan pada 4 Jun 2013 yang lalu. BP ini adalah anjuran Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) yang ke-3 pada tahun ini. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik (TKPA) MKM, Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff.

Tajuk teknologi *cloud computing* atau pengkomputeran awan diadakan

semula kerana ia adalah topik yang hangat diperkatakan buat masa ini. Oleh itu gerakan koperasi terutama mereka yang berada di kawasan Lembah Klang perlu memahami dan mengambil peluang serta memanfaatkannya untuk menyokong aktiviti perniagaan koperasi agar berkembang maju ke peringkat global. Ia diadakan untuk kali yang kedua supaya lebih banyak gerakan koperasi mengetahui dan dapat mempraktikkannya di koperasi masing-masing. Di samping itu, ia menyediakan landasan untuk koperasi membina jaringan dengan agensi, syarikat dan usahawan yang terlibat dengan *cloud computing*.

Seramai 242 orang koperator yang terlibat secara aktif dalam sektor koperasi telah menghadiri BP kali ini. Topik “Isu dan Potensi

Teknologi *Cloud Computing*” telah disampaikan oleh En. Mohd Fazly Mohd Yin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), SKALI Managed E-Business (SMEB) daripada SKALI Group. Pembentangan kertas kerja kedua pula disampaikan oleh Dr. Sulaiman Hashim, Ketua Pusat Pengurusan Teknologi, Institut Aminuddin Baki. Beliau telah berkongsi pengalaman dengan para peserta mengenai teknologi *cloud computing* yang digunakan dalam kerja sehari-hari.

Secara keseluruhannya, program ini telah menambahkan pengetahuan para koperator yang hadir agar tidak ketinggalan dengan teknologi maklumat yang pesat berkembang. MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus berusaha menganjurkan program seumpama ini di masa hadapan agar gerakan koperasi sentiasa mengemas kini pengetahuan mereka dengan teknologi maklumat yang terkini.



Sesi soal jawab peserta dengan panel pembentang

Bicara Profesional

Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi

Oleh: Nar Azlina Kassim



Kertas kerja telah dibentangkan oleh dua orang penceramah yang berpengalaman dalam bidang pembangunan dan pengurusan pangkalan data

Pada 25 November 2013, berlangsung satu program Bicara Profesional dengan tajuk "Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi" yang dianjurkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC), Maktab Koperasi Malaysia (MKM). Program ini diadakan di Hotel Grand Lexis, Port Dickson dan dihadiri seramai 242 orang peserta yang terdiri daripada warga koperasi sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Majlis perasmian Bicara Profesional ini disempurnakan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga koperasi berkenaan kepentingan pengurusan data serta kelebihan dan aplikasi pangkalan data dalam membantu tadbir urus sesebuah organisasi.

Dua buah kertas kerja telah dibentangkan oleh dua orang penceramah jemputan yang

berpengalaman dalam bidang pembangunan dan pengurusan pangkalan data. Kertas kerja pertama bertajuk "Kepentingan Pengurusan Data dalam Melancarkan Tadbir Urus" dibentangkan oleh En. Suhaimi Sujak, Juruanalisa Sistem Kanan, DagangNet Sdn Bhd. Manakala kertas kerja kedua bertajuk "Perkongsian Pengalaman: Manfaat Aplikasi Pangkalan Data", dibentangkan oleh En. Shamshuddin Khalid, Pengurus Kanan Sistem Pengurusan Maklumat, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad. Sesi pembentangan kertas kerja telah dipengerusikan oleh Pn. Nor Aslamiah Ali, Pegawai Latihan Pusat INFOTEC, MKM.

Secara keseluruhannya, program ini mendapat komen yang positif dari peserta terlibat. Kebanyakannya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan dan diadakan lebih kerap supaya warga koperasi memperoleh pengetahuan dalam membantu meningkatkan tahap penyampaian koperasi kepada anggotanya.



Barisan penceramah jemputan bersama Y. Berusaha Pn. Najmah Nawawi dan Pn. Nor Aslamiah Ali



Peserta mengajukan soalan kepada penceramah

BICARA PROFESIONAL

Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi di Pulau Pinang

Oleh: Mohd Hamzah Kasim



Tetamu jemputan dan para peserta dalam sesi perasmian

Stelah selesai satu Bicara Profesional (BP) di Hotel Grand Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 25 November 2013 yang lalu, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) melalui Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (INFOTEC) telah menganjurkan sekali lagi BP dengan tajuk yang sama iaitu "Pengukuhan Tadbir Urus Melalui Pengurusan Data Koperasi" pada 24 Disember 2013. Buat kali kedua, program ini telah diadakan di Hotel Georgetown City, Georgetown, Pulau Pinang dan mendapat sambutan kehadiran peserta dari seluruh negeri

Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sehingga mencecah 242 orang.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tn. Haji Ramlan Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi (iCoop), Maktab Koperasi Malaysia (MKM). BP yang telah dipengerusikan oleh Pn. Azlifah Abas, Pensyarah Pusat INFOTEC MKM berobjektif untuk memberi pendedahan kepada warga koperasi berkenaan kepentingan pengurusan data dan mendedahkan kepada para peserta tentang kelebihan dan aplikasi pangkalan data dalam

membantu tadbir urus sesebuah organisasi. MKM mengambil inisiatif untuk mengadakan program ini bagi memberi pendedahan kepada gerakan koperasi. Koperasi boleh mengambil peluang ini dan memanfaatkan ICT untuk menyokong aktiviti koperasi seterusnya memberikan perkhidmatan terbaik kepada anggotanya.

Ucapan penghargaan terima kasih wajar diberikan kepada dua penceramah jemputan iaitu En. Mohd Azrul Mohd Nor, Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) dan En. Rosdi Mat, Pengurus Teknologi



Salah seorang peserta mengambil kesempatan bertanyakan soalan kepada penceramah jemputan



Proses pendaftaran peserta yang bermula seawal jam 8 pagi

Maklumat Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad (Bank Persatuan) di atas pembentangan dua kertas kerja dengan tajuk “Kepentingan Pengurusan Data dalam Melancarkan Tadbir Urus” dan “Perkongsian Pengalaman: Manfaat Aplikasi Pangkalan Data”. Dengan pembentangan daripada kedua-dua panel penceramah jemputan yang berpengalaman dalam bidang masing-masing diharap dapat memberikan kesedaran kepada seluruh koperator-koperator yang hadir

dalam program tersebut mengenai pengurusan pangkalan data (database management) yang baik dan sentiasa dikemaskini (up to date).

Program setengah hari ini mendapat maklum balas positif daripada peserta yang hadir di mana rata-rata daripada mereka mengucapkan terima kasih kepada MKM kerana sudi menganjur program yang bermanfaat seperti ini kepada mereka. Di kesempatan daripada program ini juga Pusat

INFOTEC mempelawa kepada semua warga koperasi untuk menyertai Bengkel “Membangunkan Sistem Keanggotaan Koperasi dan juga Bengkel Membangunkan Sistem Pinjaman Koperasi” pada tahun 2014 yang berkaitan dengan pengurusan data koperasi bertepatan dengan tajuk dan objektif BP pada kali ini. Semoga para peserta yang telah menghadiri program BP ini dapat menimba ilmu sebanyak yang mungkin serta memperoleh manfaat daripadanya.



Sebahagian peserta yang hadir sedang mendengar pembentangan kertas kerja daripada penceramah jemputan

PENYERTAAN PEGAWAI LATIHAN MAKTAB KOPERASI MALAYSIA DALAM ICA GLOBAL CONFERENCE AND GENERAL ASSEMBLY 2013 DAN PROGRAM SANGKUTAN DI CAPE TOWN, AFRIKA SELATAN

Oleh: Nurizah Noordin



Ruang pemprosesan hasil laut Koperasi Hangberg Seafood Products

ICA GLOBAL CONFERENCE AND GENERAL ASSEMBLY 2013 telah diadakan di International Convention Centre, Cape Town pada 1-5 November 2013. Dua orang pegawai kanan Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Pn. Norwatim Hj. Abdul Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) dan Pn. Hjh. Nurizah Noordin, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi telah berpeluang untuk mengikuti program selama lima hari ini.

Program ICA Global Conference and General Assembly ini telah disertai lebih 1000 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin koperasi, para akademik dan penyelidik dari universiti pegawai kerajaan, dan wakil-wakil badan bukan kerajaan dari benua Afrika, Eropah, Amerika Latin dan Asia. Lebih dari 200 kertas perbincangan dan hasil penyelidikan telah dibentangkan dalam

sesi perbincangan dan sesi serentak (concurrent sessions) sepanjang lima hari persidangan dijalankan.

Persidangan yang mengambil pendekatan (multi-disciplinary) ini memberi fokus kepada perbincangan perkembangan, peluang dan cabaran/isu yang dihadapi oleh gerakan koperasi, kerajaan atau pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam pelbagai perkara yang mempunyai kaitan dengan koperasi. Antara topik yang dibincangkan adalah berkaitan polisi dan undang-undang koperasi, tadbir urus, pencapaian dan kejayaan koperasi, pembiayaan dan kewangan, teknologi maklumat, pemasaran, kesihatan, perumahan dan penglibatan remaja dan wanita dalam koperasi.

Mengambil peluang dari penyertaan ini, pegawai juga telah

mendapat kerjasama dari kementerian yang berkaitan koperasi di Western Cape untuk menjalani program sangkutan di dua buah koperasi yang berpotensi di wilayah ini. Dua koperasi tersebut adalah Hangberg Seafood Products



Antara produk yang dihasilkan oleh Koperasi Polyprop



Di sekitar program ICA Global Conference and General Assembly 2013, Cape Town

Co-operative yang menjalankan aktiviti pemprosesan hasil laut dan Koperasi Polyprop yang menjalankan projek jahitan pakaian dan aksesori di wilayah Western Cape. Tujuan program sangkutan adalah untuk melihat perkembangan koperasi di negara ini, mengkaji amalan terbaik dan faktor kejayaan yang boleh dikongsi bersama dan dicontohi oleh koperasi di Malaysia.

Melalui hasil lawatan koperasi, walaupun masih muda usia penubuhannya tetapi mempunyai potensi yang besar untuk berjaya. Penglibatan aktif anggota sebagai pekerja dan perancangan koperasi untuk terlibat dalam *value chain* industri perikanan dan juga pembuatan menunjukkan potensi koperasi untuk memberi

sumbangan bukan sahaja kepada anggota, malah untuk pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Selain itu, pegawai telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pegawai kanan badan puncak koperasi di Afrika Selatan (SANACO) dan pentadbir koperasi di wilayah Western Cape untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan koperasi di Afrika Selatan. Perbincangan dengan koperator dan juga pentadbir koperasi di wilayah ini telah memberi pendedahan akan perkembangan, isu dan cabaran yang dihadapi oleh gerakan koperasi di Afrika Selatan, khususnya di wilayah ini.

Persidangan dan program sangkutan ini telah memberi banyak

pendedahan dan maklumat tentang perkembangan semasa, pencapaian, isu dan cabaran yang dihadapi oleh gerakan koperasi di Afrika, di negara membangun dan juga di negara maju lain. Pengetahuan dan penemuan daripada kedua program ini bukan sahaja boleh dicontohi tetapi juga boleh dijadikan input yang berharga untuk pegawai latihan MKM dalam meningkatkan kualiti pengajaran, penyelidikan dan penulisan yang dijalankan. Jaringan yang diasaskan dengan koperasi puncak (SANACO) dan Kementerian Perdagangan juga akan menjadi platform yang berguna untuk MKM meluaskan kerjasama strategik dengan gerakan koperasi di negara Afrika Selatan.

LAWATAN KE KOPETRO TRAVEL & TOURS SDN BHD

(Milik Koperasi Kakitangan Petronas Berhad)

Oleh: Noranita Mohd Nor



Bergambar bersama pihak pengurusan Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd

Pada 18 September 2013, seramai 10 orang Pensyarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM), dalam bidang kepakaran pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan telah membuat lawatan sambil belajar ke Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd milik Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO Berhad) yang terletak di Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. Lawatan ini telah disambut oleh Hj. Zakariah Yet selaku Ketua Pegawai Operasi, Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd. Lawatan ini bertujuan untuk melihat situasi sebenar aktiviti perniagaan pelancongan koperasi yang sedang diusahakan oleh koperasi ini. Permulaan taklimat telah disampaikan oleh Hj Zakariah Yet mewakili KOPETRO dan En. Mohd Safa'ai Said bagi wakil MKM serta diikuti dengan sesi soal jawab. Antara maklumat yang diperoleh mengenai KOPETRO Berhad ini ialah KOPETRO telah ditubuhkan pada 30 Oktober

1980. Tujuan asal penubuhannya adalah untuk meningkatkan sosio ekonomi anggota dengan menyimpan dan membuat pembiayaan melalui KOPETRO. KOPETRO juga merupakan salah satu koperasi kredit yang berjaya di Malaysia. Selain daripada aktiviti kredit, koperasi ini telah berkembang dengan membuka lima subsidiari di bawahnya iaitu Cotrade Sdn Bhd, Unl Cherish Sdn Bhd, Dwi Alam LMS Sdn Bhd, Excel Training & Country Resorts Sdn Bhd dan Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd. Bidang tumpuan sempena lawatan MKM ke sini adalah lebih kepada aktiviti pelancongan. Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd merupakan sebuah agensi pelancongan yang menjalankan aktiviti seperti jualan tiket kapal terbang, pakej-pakej lawatan dalam dan luar negara serta pakej umrah. Pelbagai jenis pakej yang menarik telah ditawarkan oleh koperasi ini kepada para anggota

dan juga bukan anggota. Menurut pihak pengurusan KOPETRO, strategi pemasaran seperti promosi, harga dan lain-lain memainkan peranan penting dalam meningkatkan hasil jualan koperasi. Kebanyakan hasil jualan daripada Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd adalah daripada hasil jualan tiket kapal terbang. Koperasi ini turut mengalau-alukan koperasi di luar sana untuk bekerjasama dengannya dalam memajukan lagi bidang pelancongan yang dimiliki oleh koperasi. Hasil daripada lawatan ini, didapati bahawa Kopetro Travel & Tours Sdn Bhd boleh dijadikan contoh kepada koperasi-koperasi lain yang berminat untuk menjalankan perniagaan agensi pelancongan sebagai salah satu aktiviti koperasi. Semoga dari lawatan ini akan mengeratkan lagi jalinan kerjasama antara MKM dan koperasi dalam memajukan gerakan koperasi di Malaysia.

FORUM PERDANA SEMPENA HARI KOPERASI NEGARA 2013

Oleh: Salwana Ali



Dua orang panel tersohor Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Zulkarnain Hamzah serta Ustaz Fauzi Mustafa selaku pengurus sesi forum

Buat julung kalinya Hari Koperasi Negara (HKN) disambut di negeri Kedah Darul Aman bermula 23-25 Ogos 2013 bertempat di Dataran Darul Aman, Jitra. Pelbagai acara menarik telah berlangsung dan salah satunya adalah program Forum Perdana. Sehubungan itu Maktab Koperasi Malaysia (MKM) buat pertama kali diberi peluang untuk menganjurkan program Forum Perdana dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Bagi memastikan program ini dihadiri oleh masyarakat setempat di sekitar Alor Setar dan Jitra, pihak MKMCU telah

menggantung *banner* di lokasi seperti jejantas Pekan Rabu dan masjid.

Pada 23 Ogos 2013, bermula jam 8.00 malam, kira-kira 6,000 orang telah membanjiri Dataran Darul Aman, Jitra untuk mendengar forum perdana bertajuk "Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Ummah". Objektif forum perdana ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang peranan koperasi yang mampu membawa kepada kesejahteraan ummah dan berkongsi pengalaman serta pengetahuan berkoperasi mengikut perspektif Islam. Program

ini dimulai dengan bacaan doa yang dibacakan oleh Tn. Hj Azizan, Imam Masjid Al-Muttaqin, Bandar Darul Aman.

Bagi mengupas tajuk ini, dua orang panel yang tersohor telah dijemput iaitu Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Zulkarnain Hamzah manakala Ustaz Fauzi Mustafa selaku pengurus sesi. Bagi memeriahkan lagi forum perdana, persesembahan nasyid telah disampaikan oleh kumpulan "Far East" dengan tiga buah lagu. Antara tetamu kehormat yang hadir pada malam tersebut adalah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanapiah, Ketua Setiausaha KPDKKK, YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim, Pengurus Lembaga MKM, YBhg. Datuk Haji Md Yusof bin Samsudin, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datuk Nik Ali bin Nik Mat, dan Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia, Dr Ahmad Zahiruddin bin Yahya.



Barisan dif-dif kehormat yang telah dijemput hadir bagi mengimarakkan program forum perdana Hari Koperasi Negara 2013



Sambutan yang amat menggalakkan dari penduduk sekitar Bandar Darul Aman, Jitra, Kedah

PENENTU KEJAYAAN KOPERASI: Anggota atau ALK?

Oleh: Ahmaddian Abd Kasim
Normawati Ngatmin



Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM ketika menyampaikan ucapan perasmian

Kejayaan koperasi dinilai berdasarkan prestasi kewangan (perolehan, aset dan ekuiti), perniagaan, pengurusan dan pematuhan perundungan yang memuaskan mengikut piawaian (standard) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya (SKM) dan diselaraskan dengan kriteria yang digunakan oleh International Co-operative Alliance (ICA). Ciri utama yang membezakan koperasi dengan entiti perniagaan lain ialah, koperasi dimiliki, dikawal dan ditadbir bagi menjalankan aktiviti

untuk manfaat anggota-anggotanya. Oleh itu, pencapaian kejayaan ini banyak bergantung kepada sumber manusia yang ada di dalam koperasi iaitu Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi.

Sehubungan itu pada 11 September 2013 telah berlangsung program Bicara Profesional bertemakan "Penentu Kejayaan Koperasi : Anggota atau ALK?", bertempat di Hotel Sabah, Sandakan, Sabah anjuran Maktab Koperasi Malaysia, Cawangan Sabah. Seramai

140 orang peserta dari kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Jawatankuasa Kecil, kakitangan koperasi, anggota koperasi dan pegawai yang menyelia koperasi di sekitar Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau telah menghadiri program ini. Program ini bertujuan untuk mendedahkan para peserta tentang konsep dan amalan koperasi agar peserta dapat mengenal pasti peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin dan anggota koperasi.



Jalur Gemilang dinyanyikan bersama sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia

Bicara Profesional ini telah dirasmikan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Dalam ucapannya beliau telah memaklumkan kepada para hadirin mengenai program transformasi Maktab Koperasi Malaysia (MKM) iaitu perancangan untuk menaiktarafkan MKM sebagai Universiti Kolej Koperasi yang pertama di Asia Tenggara ini dan berharap koperasi akan terus memberikan sokongan dan kerjasama dalam pencapaian matlamat ini.

Sesi pembentangan kertas kerja ini dipengerusikan oleh Pn Hjh Rahimah Abd Samad, Pengarah MKM Cawangan Sabah. Pembentang kertas kerja dengan tajuk bertema Bicara Profesional ini telah dibentangkan oleh En. Matias Kundapin, Pengarah

Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi (PULAKOP) yang sebelum ini pernah bertugas di Sandakan.

Inti pati utama dalam sesi pembentangan beliau adalah mengenai faktor-faktor penentu kejayaan koperasi. Beliau menjelaskan ciri-ciri utama yang membezakan koperasi dengan entiti perniagaan lain ialah, koperasi dimiliki, dikawal dan ditadbir bagi menjalankan aktiviti untuk manfaat anggota-anggotanya. Manakala faktor-faktor kejayaan koperasi bergantung kepada 6 aspek berikut iaitu:

1. Kefahaman anggota tentang konsep, falsafah, prinsip dan perundungan koperasi
2. Pemimpin yang berwawasan
3. Penglibatan aktif anggota koperasi
4. Hubungan harmoni di kalangan ALK, pengurusan dan anggota
5. Kesetiaan anggota
6. Kefahaman anggota tentang polisi, produk dan perkhidmatan

Beliau juga menegaskan bahawa kejayaan koperasi bergantung kepada sokongan padu anggota-anggotanya, ditadbir oleh Anggota Lembaga (ALP) yang jujur dan telus serta dibantu oleh pasukan pengurusan yang cekap, profesional dan komited.

Sesi Bicara Profesional ini diakhiri dengan sesi dialog yang banyak mempersoalkan tentang peluang pendidikan yang disediakan kepada gerakan koperasi supaya anggota koperasi dapat menimba ilmu berkaitan pentadbiran dan pengurusan perniagaan koperasi.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIVITI MKM CAWANGAN SABAH

MERANGKUL TEMPAT KETIGA PERTANDINGAN KIK PERINGKAT AGENSI DAN KEMENTERIAN

Oleh: Rahimah Abd Samad



Antara anggota De Coop yang membuat persembahan di Putrajaya

De Coop merupakan Kumpulan Inovatif dan Kreativiti (KIK) MKM Cawangan Sabah yang terdiri daripada sepuluh orang Pegawai MKM Sabah dari pelbagai jawatan. Fasilitator bagi kumpulan ini ialah Pn. Shamsiah Samsudin, Pegawai Latihan MKM Sabah. Dalam pertandingan KIKanjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK). De Coop telah merangkul tempat ketiga bagi pertandingan KIK peringkat agensi pada Julai 2013 dan peringkat Kementerian pada 27 dan 28 Oktober 2013. Kedua-dua pertandingan ini telah diadakan di pejabat KPDKKK, Putrajaya.

Kumpulan De Coop telah mempersiapkan projek "PENINGKATAN PENGGUNAAN KERTAS NOTA SEMASA KURSUS SEPANJANG TAHUN DI MKM SABAH". Projek ini berkaitan langsung dengan piagam pelanggan MKM iaitu memastikan prasarana latihan dan peralatan

latihan berfungsi dengan baik dalam keadaan siap sedia untuk digunakan dalam tempoh satu hari sebelum kursus bermula. Hasil daripada kajian dan analisis yang dibuat De Coop mengenal pasti masalah peningkatan penggunaan kertas nota semasa berkursus sepanjang tahun di MKM

Sabah merupakan satu isu yang perlu diambil perhatian bagi mengelakkan kelewatan dalam penyediaan nota, pembaziran penggunaan kertas serta penjimatan kos selain daripada menyumbang kepada persekitaran dan imej organisasi.

Hasil daripada projek ini, MKM Sabah kini tidak lagi mengeluarkan nota-nota kursus dalam bentuk cetakan tetapi melalui tiga cara iaitu menghantar nota-nota melalui e-mel, menyalinnya di dalam cakera padat (CD) atau / dan menaik muat semula nota dalam media sosial facebook yang beralamatkan <http://facebook.com/mkmsabah>. Secara keseluruhannya, para peserta program latihan MKM Sabah menerima baik langkah yang telah dilaksanakan sejak bulan Mac 2013 ini. Dicadangkan supaya semua cawangan MKM melaksanakan perkara yang sama di masa akan datang.



Sekitar pameran KIK kumpulan De Coop



De Coop sedang membuat persembahan

Bicara Profesional

TRIBUNAL KOPERASI: "MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN"

Oleh: Norsyierawani Shari



Penganjuran Bicara Profesional (BP) oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Selatan pada kali ini merupakan satu lagi usaha MKM untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu kepada koperator yang berada di Zon Selatan. Pemilihan tajuk: "Tribunal Koperasi: Mekanisme Penyelesaian Pertikaian" dipilih bagi BP kali ini untuk memberi pendedahan kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota, pengurus dan pegawai sokongan koperasi mengenai kes atau keadaan pertikaian yang seringkali berlaku dalam koperasi.

ia juga seiring dengan objektif penubuhan Tribunal Koperasi iaitu membolehkan pertikaian mengenai hal ehwal koperasi yang berlaku antara pihak yang terbabit dalam kalangan koperasi, anggota koperasi seperti bekas anggota, ALK dan juga waris atau penama atau wakil sah di sisi undang-undang dapat diselesaikan. Penubuhan Tribunal Koperasi bukanlah bagi mencari kesalahan mana-mana pihak tetapi pihak tribunal ingin membantu koperasi dalam menyelesaikan masalah atau pertikaian yang wujud dalam koperasi.

Program yang telah berlangsung pada 26 Oktober 2013 (Sabtu) ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Persada Johor. Seramai 383 orang koperator dari sekitar Johor, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur telah hadir bagi program ini. Sambutan daripada ALK koperasi bagi program ini amat menggalakkan dan bilangan ALK yang hadir adalah seramai 319 orang manakala Juruaudit Dalam seramai 22 orang dan selebihnya kakitangan koperasi.

Majlis perasmian BP ini telah disempurnakan oleh Dr. Ahmad

Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia. Antara intipati ucapan beliau adalah berkaitan pelbagai isu perundungan seperti koperasi ditipu oleh pihak luar, pecah amanah, penyelewengan dalam koperasi, skim cepat kaya dan pelbagai lagi permasalahan yang wujud dalam koperasi. Bagaimanapun, bagi skop pertikaian yang dikendalikan oleh Tribunal Koperasi hanyalah menyentuh mengenai penubuhan, undang-undang kecil, pemilihan pegawai, perjalanan mesyuarat agung tahunan dan pengurusan perniagaan koperasi seperti dalam Seksyen 82 (1) Akta Koperasi 1993.

Bagi mengupas topik ini dengan lebih mendalam, penganjur telah menjemput Tn. Hamidun Dato' Abd. Fatah, Penggerusi Tribunal Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang berpengalaman luas dalam mengendalikan kes-kes tribunal koperasi di Malaysia. Melalui perkongsian pengalaman, peserta

yang hadir dapat menyuarakan pelbagai persoalan secara langsung dan tindakan susulan yang perlu diambil oleh koperasi bagi menyelesaikan pertikaian yang wujud. Moderator bagi mengendalikan slot ini ialah Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Pusat Perakaunan dan Kewangan, MKM.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberi peluang dan ruang kepada para koperator terutamanya ALK mengetahui dengan lebih lanjut mekanisme penyelesaian pertikaian terbaik sekiranya berlaku dalam koperasi pada masa-masa akan datang.



Tn. Hamidun Dato' Abd Fatah berpengalaman luas dalam mengendalikan kes-kes tribunal koperasi di Malaysia



Program ini membuka minda para koperator tugas-tugas kepimpinan bukanlah semudah yang disangka

Bicara Profesional

KEPIMPINAN KE ARAH MEREALISASIKAN TRANSFORMASI GERAKAN KOPERASI

Oleh: Noraesyah Saari



Pengarah MKM Cawangan Timur, Cik Noraesyah Saari (dua dari kanan) bersama penceramah jemputan En. Zukernain Wok (kanan) dan Tn. Hj Hassan Ahmad (tengah) serta tetamu jemputan dari agensi KPDKKK Kuala Terengganu sebelum majlis perasmian

Pada 7 November 2013 bersamaan 3 Muharam 1434 Hijrah telah berlangsung satu program Bicara Profesional dengan tajuk "Kepimpinan ke Arah Merealisasikan Transformasi Gerakan Koperasi" bertempat di TH Hotel and Convention Centre, Kuala Terengganu, Terengganu. Program Bicara Profesional yang pertama kalinya dianjurkan oleh Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Timur bagi tahun 2013 telah memilih Terengganu sebagai destinasi pilihan. Selain mendapat sambutan hangat dari koperator-koperator sekitar negeri Terengganu, program ini turut dihadiri

para koperator dari sekitar negeri Kelantan dan Pahang.

Program ini telah dirasmikan oleh Tn. Hj Hassan Hj Ahmad, Pengarah Pusat Konsultasi Koperasi, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) mewakili Ketua Pengarah MKM. Program ini turut dihadiri Pengarah dan Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Kelantan, En. Wan Abdul Halim Wan Abdul Razak bersama Hj Anuar Mohd serta Timbalan Pengarah SKM Negeri Terengganu, Hj Mohd Mazlan Deraman. Tidak ketinggalan wakil-wakil dari Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi

dan Kepenggunaan (PPDNKK) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Kuala Terengganu turut hadir.

Seramai 420 orang koperator yang terlibat secara aktif dalam gerakan koperasi yang terdiri daripada Anggota Lembaga dan anggota-anggota koperasi didedahkan dengan cabaran semasa tugas-tugas kepimpinan serta strategi-strategi kepimpinan yang dapat disesuaikan dengan keperluan semasa koperasi. Pengisian selama hampir empat jam telah disampaikan oleh En. Zukernain Wook, pengasas dan perunding utama di Innotech Excel Consulting yang



Encik Zukernain menyampaikan ceramah kepada peserta program Bicara Profesional



Sebahagian peserta yang hadir program Bicara Profesional

mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan, pembangunan organisasi, motivasi, pengurusan kualiti dan produktiviti serta strategi pembentukan pasukan kerja.

Tajuk yang dipilih pada kali ini mengupas isu-isu kepimpinan dalam gerakan koperasi yang dipandang mudah pada masa kini. Kepimpinan dan penyeliaan dalam gerakan koperasi merupakan elemen penting yang menjamin kelestarian dan kejayaan sesebuah koperasi. Kebanyakan gerakan koperasi pada masa kini menggunakan corak kepimpinan dan penyeliaan yang dilihat bergantung sepenuhnya kepada bakat dan pengalaman pemimpin itu sahaja. Sebaliknya bakat dan pengalaman yang dimiliki perlu dicerna bersama strategi serta teknik yang efektif agar proses kepimpinan dan penyeliaan dapat disesuaikan dengan keperluan semasa sesebuah koperasi.

Pemimpin yang berjaya adalah pemimpin yang mampu menggerakkan kepimpinan yang dipimpin untuk bekerja bersama mencapai tujuan. Kemampuan seorang pemimpin dapat dibuktikan dari kebolehan

beliau meyakinkan orang-orang yang dipimpinnya untuk memahami visi dan misi sesebuah organisasi. Begitu juga gerakan koperasi yang pada tahap awal penubuhannya memerlukan seorang pemimpin yang mampu menjadi pencetus dan penggerak yang berpegang pada prinsip-prinsip koperasi dan berani melakukan pembaharuan di dalam koperasi demi memberi pulangan yang bermakna kepada koperasi dan seterusnya anggota. Seorang pemimpin dalam gerakan koperasi bukanlah pemimpin yang memiliki hak-hak yang lebih tinggi, malah merupakan individu yang paling penting dalam usaha mengubah nasib anggota-anggota di dalam koperasi.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa tugas-tugas kepimpinan bukanlah semudah yang disangka. Pemimpin atau bakal pemimpin dalam koperasi perlu menerapkan strategi-strategi kepimpinan masa kini yang dilihat boleh membantu memacu kecemerlangan koperasi di masa hadapan. Manakala MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi

akan terus peka dalam menganjurkan program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna supaya kelestarian gerakan koperasi dapat dikekalkan.



Cik Noraesyah Saari menyampaikan cenderahati kepada penceramah jemputan, En. Zukernain Wook

BICARA PROFESIONAL PENGURUSAN KEWANGAN DAN RISIKO KOPERASI

Oleh: Muhamad Yusof



Ucapan perasmian oleh Cik Noraesyah Saari, Pengarah MKM Cawangan Timur

Sebilangan anggota berpendapat keanggotaan yang ramai menggambarkan kecermerlangan sesebuah koperasi. Malah, ada pendapat yang mengutarkan kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada berapa pendapatan yang diperoleh. Kedua-dua pandangan tersebut ada benarnya, namun pengurusan kewangan yang unggul juga tidak boleh dipinggirkan dan merupakan aspek penting dalam urus tadbir koperasi yang cemerlang.

Justeru, melihat peri pentingnya pengurusan kewangan dalam sesebuah koperasi, MKM Cawangan Timur mengambil tindakan proaktif dengan menganjurkan Bicara Profesional yang bertajuk "Pengurusan Kewangan dan Risiko Koperasi" pada 17 November

2013. Program yang berlangsung di Dewan Kenanga, Hotel Raudah Kota Bharu, Kelantan merupakan kerjasama pintar yang diadakan buat julung kalinya di antara MKM Cawangan Timur dengan Koperasi Politeknik Kota Bharu Berhad.

Kejayaan program ini adalah hasil kerjasama dan keprihatinan kedua-dua pihak. Dalam memastikan kelancaran program, En. Muhamad Yusof (MKM Cawangan Timur) selaku penyelaras program telah bekerjasama dengan En. Zambree Zakaria (Koperasi Politeknik Kota Bharu Berhad) serta dibantu oleh semua kakitangan MKM Cawangan Timur. Kerjasama ini merupakan pemangkin kepada keperluan pembangunan modal insan anggota

koperasi melalui pendidikan, latihan dan maklumat.

Seramai 150 anggota pelbagai koperasi dari negeri Cik Siti Wan Kembang (Kelantan) hadir dalam program tersebut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Cik Noraesyah Saari, Pengarah MKM Cawangan Timur mewakili Pn. Norwatim Hj. Abdul Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) yang tidak dapat hadir atas tugas yang tidak dapat dielakkan.

Sesi pertama dimulai oleh En. Mohd Khairi Nawawi, Pengurus Kanan, RHB Insurans Kota Bharu, Kelantan dengan tajuk "Pengurusan Kewangan dan Risiko". Dalam sesi ini, beliau menerangkan konsep pengurusan kewangan dengan prinsip-prinsip legaliti dan akauntabiliti yang perlu dipatuhi. Seterusnya, merungkaikan strategi-strategi yang boleh dilaksanakan oleh koperasi dalam meningkatkan keberkesanannya aspek pengurusan kewangan berdasarkan matlamat strategik koperasi, prosedur dan garis panduan. Seterusnya meningkatkan latihan pengurusan kewangan, menangani salah laku dan penipuan dan melaksanakan pengurusan risiko.

Majlis diteruskan lagi dengan sesi "Perkongsian Kejayaan" yang disampaikan oleh Tn. Hj Ahmad Mahmud, Setiausaha Koperasi Politeknik Kota Bharu Berhad dengan fokus "Pengurusan Berhemat Koperasi". Antara rahsia kejayaan yang dikongsi adalah kerjasama dan sumbangan idea Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

dalam mengenal pasti projek yang strategik dan seterusnya melaksanakan projek tersebut. Paduan kerjasama dan idea dalam kalangan ALK inilah yang menjadi resipi koperasi sehingga berjaya mengekalkan pendapatan tahunan melebihi RM 1 juta sejak lima tahun kebelakangan ini.

Secara keseluruhannya, program setengah hari ini mendapat reaksi positif dan membuka minda para peserta yang hadir. Sebagai rumusan, pengurusan kewangan dan risiko di koperasi merupakan aspek kritikal yang perlu diberikan perhatian serius. Urusannya perlu dilaksanakan dengan

tahap integriti dan akauntabiliti yang tinggi serta memerlukan pengetahuan dan kemahiran. Koperasi perlu mengekalkan kecemerlangan ekonomi melalui strategi pengurusan kewangan yang cemerlang dan kebolehjangkaan risiko dalam memenuhi aspirasi dan kepentingan bersama dalam kalangan anggota koperasi.



Pelbagai persoalanan berkenaan pengurusan kewangan dan risiko koperasi diajukan oleh peserta



En. Mohd Khairi Nawawi menyampaikan ceramah bertajuk 'Pengurusan Kewangan dan Risiko'



Sesi perkongsian kejayaan yang disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Mahmud

SEMINAR “KOPERASI PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

Oleh: Ridzuan Hj. Saudi



Penerima Anugerah Sijil Pengurusan Koperasi bersama YBhg. Datuk Hj. Md. Yusof Samsudin, Pengurus Lembaga Pengarah MKM (tengah) bersama Pengarah MKM Cawangan Sabah, Pn.Hjh. Rahimah Abd. Samad (kiri) dan Penyelaras Program SPK Sabah Cik Norawati Ngatmin (kanan)

Pada 28 hingga 29 Oktober 2013, satu seminar yang bertajuk "Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat" telah diadakan di Hotel Tabung Haji, Kota Kinabalu. Seminar anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Cawangan Sabah telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 225 orang peserta. Apa yang menarik pada seminar kali ini adalah ianya turut disertai oleh peserta dari negara jiran iaitu Brunei Darussalam.

Seminar telah dirasmikan oleh Datuk Yusuf Hj. Shamsudin selaku Pengurus Eksekutif Anggota Lembaga Maktab Koperasi Malaysia. Objektif utama seminar ini adalah untuk berkongsi pengalaman kejayaan dari koperasi-koperasi dalam dan luar negara. Selain itu, para peserta juga didekah dengan faedah-faedah

yang boleh dimanfaatkan oleh anggota dan masyarakat dalam berkoperasi. Kejayaan koperasi-koperasi ini telah dapat membuktikan bahawa koperasi mampu untuk meningkatkan daya tahan mereka untuk bersaing dan berkembang maju di samping mensejahterakan anggotanya dan masyarakat sekitarnya.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan melalui tiga sesi pembentangan oleh para pembentang. "Koperasi Mensejahterakan Masyarakat: Kejayaan Koperasi dalam Membangun dan Mensejahterakan Anggota Serta Masyarakat" merupakan tajuk sesi pembentangan pertama. Dua orang pembentang telah membentangkan kertas kerja mereka dengan baik. Kertas pertama adalah daripada Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh

Kinabatangan Berhad (KOPEL) yang disampaikan oleh Pengurus Koperasi iaitu En. Mohd Hasim Abdul Hamid. Manakala kertas kerja kedua pula dibentangkan oleh En. Saat Hj Awang Damit yang merupakan Anggota Lembaga Koperasi dari Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS). Para pembentang telah mengupas isu-isu yang berkait rapat dengan permasalahan masyarakat yang kemudiannya dapat diatasi melalui koperasi. Hasil dari komitmen seluruh anggota koperasi telah menjadikan koperasi mereka berdiri dengan jayanya seperti mana yang ada masa kini. Sesi ini telah dipengerusikan oleh En. Yusri Tarip, Pensyarah Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah.

Sesi kedua pembentangan bertajuk "Kejayaan Koperasi Dalam



En. Mohd Hasim, Pengurus KOPEL



En. Saad Hj. Awang Damit, ALK KOPEKS

dan Luar Negara dalam Membangun dan Mensejahterakan Anggota Serta Masyarakat". Ianya dipengerusikan oleh En. Mohd Razalie Raffae, Pensyarah Kanan Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah. Pengalaman dan kejayaan Koperasi Ukhwah Malaysia Berhad telah dibentangkan oleh Pengurus KOPERASI itu sendiri iaitu Dato' Seri Haji Mustapa Kamal Maulut. Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad dari Brunei Darussalam pula telah dibentangkan oleh, Tn. Hj. Ahmad Hj. Hassan selaku Pengurus. Dalam sesi ini, para pembentang membawa para peserta yang hadir

untuk bersama-sama memikirkan bagaimana untuk membuktikan bahawa koperasi juga mampu menempa kejayaan seperti mana yang dicapai oleh badan-badan korporat yang ada di Malaysia dan Brunei Darussalam. Pembentangan yang turut disertai dengan slaid-slaid pencapaian dan keuntungan koperasi berjaya membuat para peserta untuk yakin bahawa koperasi boleh menjadi pemangkin dalam meningkatkan ekonomi para anggota serta mengatasi masalah yang mereka hadapi bersama melalui perkhidmatan yang disediakan. Sesi terakhir telah dipengerusikan

oleh Pn. Hjh. Rahimah Abdul Samad, Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah. Tajuk pembentangan adalah "Isu dan Cabaran Koperasi serta Kaedah Mengatasinya" disampaikan oleh En. James selaku Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia SKM Negeri Sabah. Dalam pembentangan beliau, beberapa keputusan analisa dan statistik mengenai koperasi di Sabah dibincangkan bersama peserta. Beliau banyak menjelaskan isu-isu yang dialami oleh koperasi di Sabah yang sedikit sebanyak mengganggu pergerakan ekonomi koperasi di negeri



En. Mohd. Razalie Raffae (tengah) mempengerusikan pembentangan kertas kerja oleh Ybhg. Dato Seri Mustapha Kamal Maulud, Pengurus UKHWAH Bhd. (kanan) dan Tn. Hj. Hassan Hj. Ahmad, Pengurus Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Bhd, Seria, Brunei Darussalam (kiri)



Majlis Makan Malam serta Majlis Perasmian Seminar dan Penganugerahan Sijil Pengurusan Koperasi



Reaksi peserta seminar "Koperasi Pemangkin Kesejahteraan Rakyat"

ini. Beliau turut menegaskan bahawa untuk berada setaraf dengan koperasi-koperasi yang berjaya, komitmen dan kerjasama daripada seluruh anggota koperasi amat penting. Ini kerana, dengan adanya kesungguhan dan kesetiaan daripada seluruh anggota koperasi, Koperasi mampu untuk menyumbang dan meningkatkan Keluaran Dalam Negara kasar(KDNK) selaras dengan objektif Dasar Koperasi Negara (DKN).

Penganjuran seminar ini telah menerima respon yang sangat

baik daripada peserta yang hadir. Ianya turut mendapat pujian yang menggalakkan daripada para peserta dari negara jiran Brunei Darussalam yang sentiasa menginginkan ilmu dalam memantapkan koperasi di negara mereka. MKM salah satu agensi yang bertanggungjawab dalam memberi pendidikan kepada koperasi akan sentiasa menganjurkan seminar dan program yang memberi manfaat kepada anggota koperasi khususnya.

Semasa upacara Majlis perasmian seminar,turut diadakan ialah Majlis

Penganugerahan Sijil Pengurusan Koperasi (SPK) Cawangan Sabah khusus untuk (15) orang graduan yang telah berjaya menamatkan program SPK bagi tahun 2011 dan 2012. Upacara penerimaan sijil kepada para graduan disempurnakan oleh Datuk Yusuf Hj. Shamsudin dan diiringi oleh Pengarah Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sabah, Pn. Hjh Rahimah Abdul Samad serta penyelaras program SPK Cik Norawati Ngatmin.



Pengarah MKM Cawangan Sabah menyampaikan sijil dan cenderahati kepada Pn. Dayang Zubaidah Hj. Mohamad Said, Pegawai Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), mewakili peserta-peserta dari Brunei Darussalam

Senarai Penerima anugerah Sijil Pengurusan Koperasi MKM Cawangan Sabah:

Senarai Pelajar Tamat Pengajian Sesi Ambilan 2010/2011

1. Mohd. Ridhwan Oxley Adam Kasitah, Koperasi Anak Watan Ranau Berhad
2. Wellin Binsin, Koperasi Anak Watan Ranau Berhad
3. Hadizah Ardiansa, Kop. Felda Umas 03 Bhd., Tawau
4. Ebel Suin, Koperasi Serbaguna Kakitangan Taman Sabah Berhad (KOKTAS)
5. Naritha Downi, Koperasi Serbaguna Kakitangan Taman Sabah Berhad (KOKTAS)
6. Gregorydin Stevanselm Pilau, Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS)

7. Marcella Pan Mui Chen, Kop. Padang Ragut Kg. Purun Kuala Penyu Bhd.
8. Muhammad Saufi Taip, Kop. Felda Umas 01 Bhd., Tawau
9. Evie Esther Jitimin, KO-KAWAN Berhad
10. Daring Selutan, Koperasi Masyarakat Long Mio Berhad

Senarai Pelajar Tamat Pengajian Sesi Ambilan 2011/2012

1. Mohammad Azmiezan Abdul Ajid, Koperasi Smk Tebodon Berhad,
2. Rozainie Ghanie, Koperasi Anak Watan Ranau Berhad,
3. Kennylia William, Koperasi Pusaka (Penampang) Berhad,
4. Jane Peloque Daring, Koperasi Keluarga Daring Selutan Bhd.,
5. Rabiahtul Adawiah Pastor, Koperasi Serbaguna Sukau Bhd.

SEMINAR MENEROKA INDUSTRI PELANCONGAN: POTENSI DAN PELUANG KEPADA KOPERASI

Oleh: Norafidah Ismail @ Yaakob



Sesi soal jawab daripada salah seorang peserta koperasi yang menghadiri seminar tersebut



Sebahagian daripada peserta yang hadir memberi sokongan dan minat terhadap seminar tersebut

Sebagai salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), industri pelancongan menjadi antara penyumbang utama kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI), kadar tukaran wang asing dan peluang pekerjaan. Pada tahun 2011, sektor pelancongan Malaysia dilihat antara 10 negara teratas yang menerima jumlah kemasukan pelancong asing serta nilai GNI sebanyak USD 12.3 bilion dan berada di tangga ketiga dalam kadar tukaran wang asing selepas industri perkilangan dan minyak sawit. Malah sumbangan yang lebih besar pada tahun 2010 di dalam sektor pelancongan turut menyediakan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan.

Menyedari potensi dan peluang yang terbuka luas dalam sektor ini, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Utara (MKMCU) mengambil inisiatif dengan menganjurkan seminar

bertajuk "Meneroka Industri Pelancongan: Potensi dan Peluang Kepada Koperasi" pada 28 – 29 Mei 2013 bertempat di Rainbow Paradise Beach Resort, Pulau Pinang. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para koperasi tentang industri pelancongan dan potensi serta peluang yang ada, memberi pendedahan kepada para koperasi tentang peranan agensi-agensi dalam menggalakkan sektor pelancongan dan memberi peluang kepada gerakan koperasi yang terlibat dalam sektor ini berkongsi pengalaman bersama koperasi yang hadir. Seramai 320 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada koperasi di sekitar negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Tn Hj Zainon Hamzan Stapa, Timbalan Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Seramai lima orang penceramah telah terlibat dalam seminar ini. Sesi pembentangan kertas kerja pertama dimulakan oleh Tn. Syed Shaari Syed Abdullah, Pegawai Kemajuan Pulau Pinang, Unit Pelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU). Dalam pembentangan kertas kerja beliau bertajuk "Peranan ICU Dalam Pembangunan Ekonomi" (Pelancongan), beberapa perkara telah digariskan untuk dikongsi bersama para koperasi. Antaranya, beliau menjelaskan mengenai peranan dan fungsi ICU dalam projek pembangunan negara di samping penyediaan infrastruktur untuk menarik pelancong dan projek-projek pelancongan di bawah RMK-9 dan RMK-10.

Kertas kerja kedua pula disampaikan oleh En. Mohd Hasim Abd Hamid selaku pengurus Koperasi Mukim Batu Puteh Kinabatangan

Bhd (MISO WALAI). Beliau berkongsi pengalaman mengenai penubuhan koperasi serta program-program pelancongan yang telah dijalankan di samping kejayaan-kejayaan yang telah diraih oleh koperasi sehingga mampu kekal sebagai antara koperasi pelancongan terkemuka di Malaysia khususnya di Sabah yang sinonim dengan tempat-tempat pelancongan yang menarik.

Bagi melengkapkan lagi hala tuju sektor pelancongan negara, MKMCU berbesar hati menjemput Kementerian Pelancongan Malaysia bagi memberi panduan dan hala tuju sektor pelancongan ini serta inisiatif yang telah dijalankan bagi memajukan lagi sektor ini. Pembentangan kertas kerja ketiga oleh Pn. Jaime Yeoh, Pengarah, Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri Pulau Pinang bertajuk "Pembangunan Industri Pelancongan" banyak mengupas mengenai hala tuju industri pelancongan di samping sumber-sumber pembiayaan yang

ditawarkan oleh kementerian bagi projek-projek pelancongan berskala kecil dan sederhana seperti hotel bajet, agensi pelancongan dan sebagainya.

Bagi melihat sumbangan sektor koperasi dalam industri pelancongan ini, pembentangan kertas kerja keempat bertajuk "Merangsang Penglibatan Koperasi dalam Sektor Ekonomi Bernilai Tinggi (Pelancongan)" telah disampaikan oleh Pn. Arnida Alias, Penolong Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Dalam kertas kerja yang dibentangkan, beliau telah menggariskan mengenai Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 khususnya dalam bidang pelancongan termasuklah penjagaan diri dan kesihatan. Antara bidang-bidang yang disarankan kepada para koperator adalah homestay, pusat dialisis koperasi, perkhidmatan pelancongan dan spa yang telah dikenal pasti dapat memberi pendapatan tinggi kepada koperasi.



Penyampaian penghargaan kepada penceramah jemputan dari Kementerian Pelancongan Malaysia



En. Mohd Zaib Mat Yunus, Pengarah MKM Cawangan Utara menyampaikan penghargaan kepada penceramah jemputan dari Koperasi MISO WALAI, Sabah

Sebagai penutup kepada seminar ini pembentangan kertas kerja ke lima dari Koperasi Guru-guru Melayu Kedah Berhad telah dijemput bagi berkongsi pengalaman kejayaan koperasi mereka. Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh En. Ahmad Sobri Lebai Isa Anggota Lembaga Koperasi Guru-guru Melayu Kedah Berhad menekankan kepada aktiviti pelancongan kesihatan yang telah dijalankan oleh koperasi beliau seperti perhotelan, Pusat Rawatan Mahsuri dan pusat Hemodialisis.

Secara keseluruhannya, seminar ini telah berjaya mencapai objektifnya. Rata-rata peserta seminar menunjukkan minat dan kesungguhan untuk menceburi bidang pelancongan hasil dari perkongsian maklumat yang telah disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan yang berkaliber.

KARNIVAL USAHAWAN SISWA

“USAHAWAN KERJAYA PILIHAN”

Oleh: Anis Atikah Ruhimi



Ketua Pengarah MKM melawat gerai usahawan dalam kalangan pelajar

Kelab Kaunseling dan Kerjaya telah menganjurkan Karnival Usahawan Siswa Institut Koperasi Malaysia pada 10 Oktober 2013. Program ini telah melibatkan semua Pelajar Institut Koperasi Malaysia untuk mengambil bahagian membuka pelbagai gerai jualan seperti gerai makanan, pakaian dan sebagainya. Selain itu, beberapa agensi luar seperti TEKUN, PUNB, MARA dan INSKEN dijemput untuk membuka gerai pameran bagi memeriahkan lagi karnival ini. Karnival ini telah dirasmikan oleh Dr. Ahmad Zahiruddin Yahya, Ketua Pengarah MKM.

Sesi ceramah kerjaya juga diadakan dan telah disampaikan oleh En. Samsu Kadir, Penolong Pengarah Institut Keusahawanan Malaysia (INSKEN) kepada para pelajar. Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar bagaimana ingin menjadi usahawan muda yang berjaya. Selain itu, penampilan khas dari saudara Hafiz Hamidon dengan tajuk

ceramah beliau ‘Keusahawanan Kerjaya Sunnah Rasulullah’ yang telah menarik perhatian para pelajar mengenai kisah tauladan Baginda dalam menguruskan perniagaan.

Acara kemuncak karnival ini adalah sesi penyampaian hadiah gerai terbaik. Pemenang dinilai dari segi kebersihan, layanan kepada pengunjung dan lain-lain lagi. Gerai ‘Somebody Outlet’ dari semester 3 (kumpulan B) telah memenangi gerai terbaik yang diketuai oleh Muhd. Izzuddin Ramli. Tempat kedua pula dimenangi oleh gerai ‘Mumtaz’ dari semester 3 (kumpulan A) yang diketuai oleh Liyani Izzati Rosli. Karnival ini secara keseluruhannya telah memberi pendedahan dan peluang kepada para pelajar dalam mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas ke dalam bentuk amali. Secara tidak langsung para pelajar telah mencipta kerjaya mereka dengan bermiaga semasa atau selepas tamat pengajian kelak.



Penyampaian hadiah gerai terbaik



Ceramah oleh saudara Hafiz Hamidon

TEATER SARJAN HASSAN

Oleh: Nur Sumaiyyah Mohd



Teater yang bertajuk "Sarjan Hassan" telah diadakan pada 24 September 2013 di Auditorium Abdul Majid, MKM. Teater ini bertujuan untuk melatih para pelajar supaya lebih kreatif dalam melakukan persembahan teater serta lebih memahami sejarah kemerdekaan negara kita. Pembukaan Teater Sarjan Hassan, turut dipersembahkan dengan persembahan Dikir Barat diikuti dengan persembahan kompong.

Para tetamu pada malam tersebut merupakan para pelajar, staf MKM serta anak-anak yatim dari Yayasan Salam.

Pelakon Teater Sarjan Hassan diberisi seramai 32 orang pelakon yang terdiri daripada Pelajar MKM sendiri. Mereka menjalani proses latihan selama dua bulan di bawah arahan Nur Azlin Mohd Ridzwan dan dibantu oleh Farhana Samurin.

Teater Sarjan Hassan ini telah diadaptasikan dari filem asal Tan Sri P. Ramlee dan telah diolah oleh pengarah mengikut kesesuaian keadaan semasa. Banyak nilai-nilai murni dan pengajaran yang boleh dicontohi menerusi teater ini. Program ini berakhir dengan penyampaian sumbangan hasil jualan tiket teater kepada wakil dari Yayasan Salam.



Barisan pelakon teater Sarjan Hassan

SEMINAR PELAJAR PASAK MTLAMAT DIRI, RAHSIA PELAJAR LUAR BIASA

Oleh: Nor Fadhilah Mohd



Ucapan perasmian oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latif

Pada 20 September 2013, bertempat di Auditorium Dato' Abd Majid telah diadakan seminar pelajar yang bertemakan 'Pasak Matlamat Diri, Rahsia Pelajar Luar Biasa'. Seramai 220 pelajar program BBA dan DPK yang terlibat dalam seminar ini. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai

kepentingan mempunyai matlamat sebagai seorang pelajar sama ada dalam bentuk akademik maupun kehidupan sehari-hari. Seminar ini telah dirasmikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM.

Pada sebelah pagi seminar ini telah diisi dengan Slot 1: "Pelajar hebat bila Ibadahnya hebat" yang telah disampaikan oleh Ustaz Azizul Asri dari (CSQ Training & Consultancy). Beliau banyak berkongsi tentang aspek agama dan perlunya mempunyai matlamat hidup sebagai hamba Allah sebelum meneruskan langkah untuk menjadi pelajar cemerlang di dunia dan akhirat. Pelbagai tips yang telah dikongsi kepada pelajar agar matlamat untuk menjadi pelajar luar biasa tercapai kelak. Perkongsian beliau amat menarik kerana diselitkan dengan kisah jenaka yang membuatkan para pelajar tidak bosan mengikuti ceramah beliau.

Pada sebelah petang pula, Slot 2 yang bertajuk 'Pasak Matlamat Diri,' Rahsia Pelajar Luar Biasa" telah disampaikan oleh En. Muhd Muizzudin dari (ITQAN Partners Training & Consultancy). Beliau banyak berkongsi mengenai langkah-langkah membentuk matlamat dalam diri dan seterusnya strategi untuk mencapai kejayaan sebagai seorang pelajar. Pelbagai teknik yang dikongsi sama ada dalam bentuk teori maupun amali dalam memberi kefahaman kepada pelajar. Ceramah beliau diselitkan dengan pelbagai aktiviti agar ianya tidak membosankan.

Secara keseluruhannya seminar pelajar ini mampu menyuntik semangat kepada pelajar untuk terus bersemangat dalam mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Mempunyai matlamat dalam hidup amat penting kerana matlamat merupakan motivasi dalam setiap individu untuk terus mengorak kejayaan di masa hadapan.



Aktiviti Ustaz Azizul Asri mencuit hati pelajar



KERJA AMAL DI MAJLIS KANSER NASIONAL

Oleh: Nor Fadhilah Mohd



Sesi pengiraan duit sumbangan orang ramai



Ceramah oleh Pn. Monica

Kelab Seni Budaya (KSB) MKM telah menjalankan aktiviti pengiraan duit syiling secara sukarela pada 11 Mei 2013 bertempat di bangunan Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Kuala Lumpur. Duit syiling yang diperoleh itu merupakan sumbangan daripada orang ramai melalui tabung-tabung yang disediakan di kawasan R&R seluruh Malaysia. Seramai 15 orang pelajar telah mengikuti program ini dan dua orang pensyarah.

Program dimulakan dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh Mrs Monica dengan tajuk "Apa itu sukarelawan"? Ceramah yang disampaikan oleh beliau banyak mengupas mengenai konsep kesukarelawan, aktiviti-aktiviti sukarelawan, manfaat apabila menjadi ahli sukarelawan dan sebagainya. Selepas itu, aktiviti pengiraan duit syiling dilakukan mengikut kumpulan yang diagihkan. Aktiviti ini merupakan

aktiviti yang jarang dilakukan iaitu membuat pengiraan duit syiling dalam kuantiti yang banyak tetapi berkat usaha para pelajar, ia dapat berjalan dengan lancar.

Pengisian slotterakhid disampaikan oleh Mrs Lee yang merupakan juru unding pemakanan. Beliau banyak menerangkan cara pemakanan yang sihat untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan kita. Perkongsian beliau sangat bermakna kerana secara tidak langsung pelajar dapat memahami secara jelas mengenai diet pemakanan yang perlu diamalkan.

Secara keseluruhannya, program ini dapat membina nilai dan tingkah laku positif dalam diri pelajar kerana dapat memupuk sikap sukarela dalam membantu golongan yang memerlukan. Selain itu, para pelajar juga dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai aktiviti sukarelawan dan kesihatan yang

tidak terdapat dalam kuliah mereka. Program ini juga mampu membuka ruang kepada para pelajar untuk bergiat aktif dengan badan-badan NGO selepas tamat pengajian kelak.



Ceramah oleh Pn. Lee

Program Lawatan “Turun Ke Desa Seindah Bersama” Pelajar BBA MKM-UUM Sesi Feb 2011/2012

Oleh: Nor Fadhilah Mohd



Bergambar bersama keluarga angkat


Pada 16-19 November 2013, Institut Koperasi Malaysia (iCOOP), Maktab Koperasi Malaysia di bawah subjek Kokurikulum telah menganjurkan program Lawatan Keluarga Angkat “Turun Ke Desa Seindah Bersama” di Kampung Pondok Labu Hujung, Kulim, Kedah. Seramai 34 pelajar BBA MKM-UUM Semester 4 sebagai peserta program dan kira-kira 10 orang ahli jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada penduduk Kampong Pondok Labu Hujung, Kulim seramai tiga orang pensyarah dan iCOOP yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara mahasiswa dan keluarga angkat. Selain aktiviti pembelajaran di dalam kelas, program ini juga bertujuan mendedahkan para pelajar untuk bergaul dengan masyarakat luar

terutamanya masyarakat kampung bagi meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran yang boleh diguna pakai apabila mereka bekerja kelak. Program “Turun Ke Desa Seindah Bersama” ini dilihat mampu melatih dan membina sifat kepimpinan serta kemahiran komunikasi, bekerjasama dan profesionalisme yang perlu ada dalam diri pelajar. Selain dari itu, program ini juga mampu memberi pelbagai faedah bukan sahaja kepada para pelajar, tetapi juga kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Program yang mengambil masa selama 5 hari 4 malam ini turut memuatkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang mampu memberi satu kenangan yang indah kepada penduduk kampung amnya.

Program ini dimulakan dengan ketibaan para pelajar pada jam 5 pagi dan diikuti dengan taklimat

kepada keluarga angkat. Para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan aktiviti dimulakan dengan gotong-royong memasak bubur asyura beramai-ramai dan juga beberapa menu yang lain seperti gulai pisang, betik rebus dan juga ulam ulaman. Majlis perasmian penyerahan keluarga angkat dilakukan pada malamnya. Upacara ini dimulakan dengan ucapan perasmian oleh En. Aminuddin Omar, Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan. Turut menghadiri Majlis Perasmian ialah En. Hasmad Abu Talib, Ketua Bahagian Padang Serai dan Pn. Norhayati Walad, Pengerusi JKPP Pondok Labu Hujung.



Gotong-royong memotong kayu



Melawat penduduk kampung yang uzur

Pada hari ketiga, program dimulai dengan aktiviti riadah. Para pelajar Semester 4 BBA MKM-UUM bergotong-royong bersama masyarakat di kawasan surau. Para pelajar mengecat surau dan membersihkan sekitar kawasan surau Kg Pondok Labu Hujung. Seterusnya, aktiviti sukaneka diadakan pada sebelah petang. Pelbagai kategori dipertandingkan mengikut peringkat usia. Ramai penduduk kampung melahirkan keseronokan mereka dalam mengadakan aktiviti sukaneka tersebut yang dilihat dapat mengeratkan semangat kesukanan dan kerjasama sesama mereka. Pada sebelah malamnya, program dimulai dengan jamuan makan malam bersama penduduk kampung serta taklimat fungsi dan peranan MKM kepada masyarakat setempat. Wakil pelajar telah memberi taklimat berkenaan peranan dan fungsi Institut Koperasi Malaysia secara khususnya Maktab Koperasi Malaysia secara amnya. Ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahiran berkomunikasi di hadapan penduduk setempat.

Pada hari keempat, aktiviti lawatan serta pemberian ikhlas kepada penduduk kampung yang uzur telah

dijalankan. Segala sumbangan yang diperoleh diagihkan-agihkan kepada penduduk setempat yang menghadapi masalah keuzuran dan sebagainya. Aktiviti diteruskan dengan aktiviti "Cintai Alam" di Lata Sedim dimana para pelajar didedahkan dengan lawatan ke The Tree Top Walk. Penerangan ringkas telah diberikan dan para pelajar dibawa menaiki titian gantung sepanjang 925 meter. Pada malamnya, para pelajar diberi peluang bersama keluarga angkat masing-masing sebelum bertolak pulang ke rumah masing-masing.

Majlis Penutupan Program
"Turun Ke Desa Seindah Bersama" telah diadakan pada hari terakhir program. Majlis ini telah dihadiri oleh En. Muhammad Nasir Abdullah, wakil Lembaga Kemajuan Daerah (KEDA) Zon 9 Kulim di dalam ucapan beliau, beliau menyuarakan hasrat untuk bekerjasama lagi dengan Institut Koperasi Malaysia. Seterusnya, sebelum pulang ke rumah masing-masing, satu lawatan telah diadakan ke Rumah Amal 'Meja Sedekah Jariah' di Tikam Batu dan kutipan derma barang terpakai telah diserahkan kepada pemilik rumah amal tersebut.

Secara keseluruhannya, program ini dapat melahirkan mahasiswa yang mampu membina sahsiah diri untuk menabur bakti kepada masyarakat dan negara. Ia akan melahirkan mahasiswa yang kompeten dalam memahami keperluan dan kehendak masyarakat secara lebih dekat dan mewujudkan integrasi sosial antara mahasiswa dan masyarakat. Segala sumbangan dan aktiviti yang diadakan diharap dapat diterapkan dalam diri setiap pelajar untuk terus berbakti apabila bekerja kelak.



Penyampaian cenderahati kepada penduduk setempat

DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (SEPENUH MASA)



JANGKA MASA PENGAJIAN

2 tahun (6 Semester)

KELAYAKAN MASUK

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya 3 kredit (keutamaan kepada kredit Bahasa Melayu dan Matematik): ATAU
- Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 JUN setiap tahun

KEMASUKAN

Akhir Jun setiap tahun

PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Urus setia

Program Pendidikan Tinggi
Pusat Pendidikan Tinggi @ iCOOP
Maktab Koperasi Malaysia
No. 21, Jalan Selangor
46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7952 4500
Faks: 03-7955 0863
E-mel: icoop@mkm.edu.my

**IJAZAH SARJANA MUDA
PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN
(BIDANG TUMPUAN PENGURUSAN KOPERASI)
(PROGRAM UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DENGAN KERJASAMA MKM)**



SEPUHUH MASA

Kelayakan Kemasukan

- Lulus SPM/setaraf dengan baik
- Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan
- Lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf dan
- Lulus mata pelajaran Matematik/Matematik Tambahan/Prinsip Akaun/Perdagangan di peringkat SPM/setaraf atau
- Matematik Kertas Julai dan
Lulus STPM dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya
 - a) Gred (NCMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am dan
 - b) Gred (NCMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain atau
- Mendapat sekurang-kurangnya peringkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Mempunyai kelayakan Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan Senat Universiti dengan kelayakan yang
- baik dan ada kaitan dengan program yang ditawarkan dan
Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET).

Jangka masa Pengajian

- Sepenuh masa: 4 tahun @ 8 semester

Tarikh Tutup Permohonan

- 31 Julai setiap tahun

Cara memohon

Permohonan boleh dibuat secara online melalui laman web MKM di alamat <http://www.mkm.edu.my>. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dan dicetak.

Kemasukan

- September setiap tahun
- Februari setiap tahun

Pertanyaan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Program Pendidikan Tinggi
Pusat Pendidikan Tinggi @ iCOOP
Maktab Koperasi Malaysia
No. 21, Jalan Selangor
46050 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7952 4500
Faks: 03-7955 0863
E-mel: icoop@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia
Pusat Latihan Koperasi No. 1 di Malaysia